


Jilid I
Bil. 61



Hari Selasa
11hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6873]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 6892]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 6892]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 11hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K.. Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K.
(Kota Setar).

- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

Yang Berhormat TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH LING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGILMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

Yang Berhormat TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. DATUK Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

NILAI RINGGIT MALAYSIA

1. Tuan Shamsuddin bin Din (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan butir-butir yang lebih jelas tentang kenyataan yang dikeluarkannya baru-baru ini mengenai "Nilai matawang Malaysia tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada Dollar Amerika" dan nyatakan juga:

- (a) jenis-jenis matawang selain dari dollar Amerika yang dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan matawang Malaysia; dan
- (b) kesan buruk atau baik yang mungkin timbul dari tindakan penukaran sistem penilaian matawang Malaysia itu.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia berdagang dengan banyak negara selain daripada Amerika Syarikat adalah realistik dan praktikal untuk mengukur nilai Ringgit bukan sahaja dibandingkan dengan Ringgit Amerika tetapi juga dengan matawang-matawang sekutu-sekutu perdagangan Malaysia yang penting sebagai satu kumpulan.

Berkenaan dengan soalan kecil (a), ini akan bertentangan dengan kepentingan umum bagi saya memberitahu atau menyatakan matawang-matawang yang terlibat kerana kenyataan yang sedemikian mungkin menyebabkan timbulnya spekulasi. Walau bagaimanapun saya dapat mengatakan pada peringkat ini dengan perubahan pada sistem ini semenjak 27hb September, 1975 nilai Ringgit di dalam kumpulan matawang-matawang negara yang berkenaan secara relatif adalah stable.

Untuk menjawab soalan kecil (b), perubahan yang telah dibuat ini adalah bertujuan memelihara nilai ringgit supaya tidak terpengaruh oleh keadaan turun naik yang berlebihan bagi nilai matawang mana-mana negara tertentu yang berdagang dengan Malaysia.

HUKUMAN BUANG NEGERI

2. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada hukuman buang negeri boleh dikenakan kepada rakyat Malaysia yang telah didapati salah oleh mana-mana mahkamah luar negeri dalam kegiatan jenayah dan penyeludupan atau lain-lain kegiatan yang akan mencemarkan nama baik Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana Fasal 9 Perlembagaan memperuntukkan bahawa seseorang warganegara Malaysia tidak boleh dibuang negeri atau dihalang daripada kembali ke Malaysia.

LATIHAN KEPADA GURU SEMENTARA

3. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan-rancangan tertentu yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk melatih guru-guru sementara di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, mulai dari tahun ini Kementerian Pelajaran telah pun melancarkan satu rancangan yang bertujuan untuk memberi latihan kepada semua Guru Sementara yang memenuhi syarat-syarat kelayakan akademik dan lain-lain yang diperlukan. Mereka yang memenuhi syarat-syarat tersebut, dipilih mengikut giliran iaitu yang lama berkhidmat didahulukan. Latihan ini akan dijalankan dalam masa cuti penggal sekolah dan akan memakan masa selama 3 tahun.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa Kerajaan akan melancarkan satu rancangan latihan kepada temporary teachers yang mempunyai cukup syarat, tetapi saya suka bertanya apakah latihan yang akan diberi kepada teachers yang tidak cukup syarat?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang tidak cukup syarat mestilah cari jalan supaya memenuhi syarat-syarat itu.

TANAH—PEMBUKAAN DI KAWASAN SEMPADAN THAI/PERAK/KEDAH

4. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak membuka tanah di kawasan sempadan Thai-Perak-Kedah bermula dari Bukit Keroh hingga membawa ke Gunung Latapalang untuk menghindar pengganas komunis dari seberang sempadan mengacau rakyat di kawasan Malaysia, dan jika tidak, adakah Kerajaan bercadang hendak membiar hutan rimba itu seperti sekarang dan dengan yang demikian menjadi sarang tempat perlindungan pengganas.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dipertimbangkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan juga Jawatankuasa Keselamatan Negeri Perak dan Jawatankuasa Keselamatan Negeri Kelantan dan saya sekarang sedang mengusahakan meminta pertimbangan dari Jawatankuasa Keselamatan Negeri Kedah berkenaan dengan perkara ini.

PENILAIAN DARJAH LIMA MENGENAI NABI ISA

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa bertentangan dengan ajaran Islam, suatu soalan mengenai Nabi Isa disalib telah timbul dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima baru-baru ini. Jika ya, nyatakan bagaimanakah soalan itu tidak disedari oleh Bahagian Pelajaran Ugama Islam Kementerian itu kerana soalan ini disedari oleh punca-punca dari luar Kementerian serta apakah jaminan bahawa kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran adalah menyedari tentang kesilapan suatu soalan kertas tawarikh dalam peperiksaan yang disebutkan itu dan kesilapan tersebut adalah dikesalkan. Berikutan dengan itu tindakan telahpun diambil oleh Lembaga Peperiksaan untuk membatalkan soalan tersebut.

Ingin saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa soalan yang dimaksudkan itu adalah bagi matapelajaran tawarikh dan bukannya dalam pelajaran Ugama Islam. Oleh yang demikian, di dalam membuat soalan itu, pemeriksa tidak meneliti masaalah salah anggapan yang mungkin akan timbul dari soalan itu. Ini bukanlah dilakukan dengan sengaja dan tidak sekali berniat untuk mengembangkan pelajaran ugama lain. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah dikesalkan.

Sebagai jaminan bahawa kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi buat masa-masa yang akan datang, pihak Lembaga Peperiksaan akan mengambil tindakan untuk mengelakkan sebarang soalan yang bertentangan dengan hukum-hukum ugama demi bagi menjaga keutuhan dan kesucian Ugama Islam, setakat mana yang boleh dilakukan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan tentang kesedaran pihak Kementerian berkait dengan hal ini. Sebab, apa yang saya tahu ialah kesedaran daripada pihak Kementerian itu timbul setelah ada protest daripada orang ramai. Itu yang saya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sudah terkandung dalam soalan asal. Soalan tambahannya apa?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahannya ialah, adakah kesedaran Kementerian ini timbul selepas atau sebelum menerima protest. Jika sebelum, kenapa benda itu berlaku juga?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sudah meliputi dalam jawapannya.

BANGUNAN-BANGUNAN DAN TEMPAT-TEMPAT PENTING KERAJAAN—LANGKAH-LANGKAH MENGAWAL

6. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah ketat yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengawal bangunan-bangunan dan tempat-tempat penting Kerajaan daripada dirosakkan oleh anasir jahat seperti yang telah berlaku baru-baru ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sudahpun diambil untuk mengawal bangunan-bangunan dan tempat-tempat penting Kerajaan seperti berikut:

- (1) Bangunan dan tempat yang dianggap penting yang melaksanakan aktiviti ekonomi negara perhubungan atau khidmat perlu seperti jenaletrik, tali-kom, punca air adalah dikawal sepanjang waktu oleh Tentera Wataniah. Sekarang ini sebanyak 104 sasaran penting sedang dikawal oleh Tentera Wataniah dan kekuatan anggota seramai lebih kurang 3,000 orang termasuk di pusat-pusat keselamatan.
- (2) Kem tentera dan polis dikawal dengan rapi oleh pihak polis atau tentera.
- (3) Bangunan lain yang dianggap mustahak dikawal, diistiharkan sebagai Tempat Larangan. Tempat-tempat Larangan itu terdapat aturan-aturan tertentu mengenai masa keluar, pagar, lampu dan rondaan.
- (4) Tiap-tiap jabatan Kerajaan telah diarah mengadakah kawalan sewajarnya untuk mengawal keluar masuk, keselamatan harta-benda dan fail-fail.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa kawalan-kawalan yang seumpama itu hanya di luar bangunan sahaja, adakah difikirkan bahawa kawalan yang lebih ketat patut diadakan di dalam bangunan-bangunan yang penting. Kalau seseorang itu ingin hendak berjumpa pegawai, sepatutnya orang yang hendak berjumpa pegawai itu tidak boleh bebas begitu sahaja, mestilah dikawal di pintu pagar umpamanya, itu lebih selamat. Orang yang hendak dijumpa di Kementerian itu patut datang ke tempat khas, bukan orang yang hendak berjumpa itu masuk ke dalam bangunan kerana boleh disabotaj. Umpamanya, mereka boleh merosakkan sesuatu dalam pejabat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan soalan. Soalan tambahannya apa?

Tuan Haji Embong bin Yahya: Soalnya begini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa

kawalan di dalam bangunan yang begitu penting patut lebih diketatkan daripada apa yang disebutkan tadi iaitu di luar sahaja. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang hendak mengawal lebih ketat bagi orang-orang yang masuk ke dalam bangunan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Hendak ketatkan macam mana lagi. Kawalan itu sudah ketat.

MINYAK TANAH/DISEL— KEKURANGAN BEKALAN

7. Tuan K. Pathmanaban (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar di daerah Kluang baru-baru ini berlakunya kekurangan bekalan minyak tanah dan minyak disel, jika ya, apakah langkah yang beliau akan ambil.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa kekurangan minyak tanah dan minyak disel memang berlaku di setengah-setengah tempat tetapi tidak ada aduan diterima mengenai kekurangan di daerah Kluang. Kementerian saya telahpun mengambil beberapa langkah iaitu mengarahkan syarikat-syarikat minyak berkenaan supaya membekalkan minyak disel dan minyak tanah itu dengan mencukupi dengan serta-merta ke kawasan-kawasan yang terlibat. Pada masa sekarang ini Pegawai-pegawai Penguatkuasa sedang menjalankan pemeriksaan yang rapi ke atas pengedar-pengedar minyak tanah dan disel untuk menentukan samada perbuatan menyorok dan enggan menjual dilakukan atau tidak. Tindakan akan diambil terhadap syarikat-syarikat minyak dan pengedar-pengedar yang didapati melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974. Selain daripada itu, Kementerian saya telah meminta syarikat-syarikat minyak menambahkan lagi bilangan pengedar-pengedar minyak terutama sekali di kawasan-kawasan yang belum ada pengedar-pengedar tempatan.

Selain daripada itu juga, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian sentiasa membuat pemeriksaan dan penyiasatan dengan rapi bagi menentukan bekalan-bekalan

minyak tanah dan disel untuk kegunaan domestic tidak disalurkan bagi kegunaan industri di samping memperhebatkan lagi tindakan-tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 mengenai pelesenan dan penyorokan barang-barang kawalan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kekurangan minyak disel tidak terhad di satu tempat tetapi di semua tempat di negara kita. Sungguhpun perkara ini ada ditimbulkan, dan dijawab berkali-kali apabila Parlimen bersidang, tetapi perkara kekurangan disel tidak dapat diatasi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah baharu yang betul-betul berkesan boleh diambil bukan semacam dahulu, ada tindakan tetapi tidak berkesan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari bahawa memang banyak tempat daripada mana kita memperoleh lapuran di atas kekurangan terutamanya minyak tanah. Sebagaimana yang saya telah jelaskan baharu-baharu ini, satu daripada sebabnya ialah berkaitan dengan harga. Kami telah mendapat lapuran bahawa harga ex-factory minyak gas adalah \$1.20 dan syarikat-syarikat yang menjual minyak gas setelah dikehendaki oleh pihak kita menjual dengan harga 81 sen satu gelen. Jadi, perkara ini telah dibawa kepada pengetahuan pihak Kerajaan dengan syarikat-syarikat yang berkenaan baharu-baharu ini telah membuat permohonan kepada Bahagian Petroliaam di Pejabat Perdana Menteri supaya menimbangkan kemungkinan menaikkan harga minyak petrol, minyak disel, minyak gas lebih-lebih lagi dengan adanya kenyataan sekarang ini bahawa harga minyak telah dinaikkan pula 10% oleh negara-negara yang menjual minyak. Jadi berikutan dengan permohonan ini, satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan semalam dan Jawatankuasa ini telah diarah supaya mengkaji dengan teliti dan mendalam segala perkara yang telah dibangkitkan oleh syarikat-syarikat minyak ini serta mengkaji samada permohonan untuk menaikkan harga minyak petrol, minyak disel dan minyak gas ini ada mempunyai alasan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan samada sebelum Jawatankuasa Kabinet ini atau Kerajaan mengambil tindakan atau keputusan mengenai harga disel dan petrol, Kerajaan atau jawatankuasa ini akan menjemput wakil-wakil daripada pengguna dan Persatuan-persatuan pengguna yang bukan hanya terhad kepada perwakilan daripada syarikat-syarikat minyak.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, selepas kita mengkaji perkara ini dengan mendalam, kita bukan sahaja akan memanggil syarikat-syarikat minyak yang berkenaan dalam perkara ini jika perlu bahkan kita akan panggil juga pihak-pihak pengguna yang banyak menggunakan minyak yang diedar atau dijual dalam negara ini sebelum kita membuat satu-satu ketetapan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Menteri mengarah Jabatannya menyiasat mengenai kekurangan minyak disebabkan oleh kerana syarikat-syarikat minyak disengajakan kekurangan ini untuk memaksa keadaan di mana harga boleh dinaikkan atau tunggu harga naik.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Kita tidak ada bukti-bukti menunjukkan bahawa mereka memaksa Kerajaan. Bukti-bukti kepada kita adalah sebagaimana saya katakan tadi harga minyak yang dijual oleh mereka adalah lebih rendah daripada harga mengeluarkan minyak di kilang-kilang minyak. Sebagai orang berniaga sudah tentulah sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin bersetuju tidaklah hendak menjual barang dengan rugi. Kalau 81 sen satu gelen harga minyak dijual di pasaran, harga ex-factory \$1.20 sen bermakna 40 sen satu gelen dia rugi kalau dijual. Jadi, saya tidak menafikan bahawa mungkin ada kenyataan dalam mana pihak-pihak yang berkenaan mengeluarkan minyak ini enggan menjualkan minyak oleh kerana kalau dia menjualkan minyak yang saya tahu banyak digunakan di sini lebih kurang 60 juta gelen, jika dia dipaksa jual dengan harga yang sudah tentu rugi sudah tentulah dia mempunyai keberatan mengeluarkan minyak gas atau minyak disel yang begitu banyak.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan masih ingat apabila negara-negara OPEC menaikkan harga minyak sebanyak 10% Menteri berkenaan sendiri telah menyatakan pengilang-pengilang minyak di tanahair kita seumpama Shell, Esso, Mobil dan sebagainya tidak boleh menaikkan harganya. Yang Kedua, walaupun minyak yang dijual oleh negara-negara OPEC dinaikkan dengan 10% sebenarnya kenaikan harganya bukan 100% tetapi mungkin 5% atau 6% sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sudah terkeluar jauh sedikit daripada soalan asal, tetapi yang kedua itu bolehlah kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawabnya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya akui memang ada kenyataan bahawa sungguhpun kenaikan harga minyak itu 10% ini hanyalah setakat 5% tetapi dalam pada itu saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa semenjak kenaikan harga minyak pada pertengahan 1974 banyak kali syarikat-syarikat minyak telah membuat permohonan supaya dinaikkan harga minyak sebelum lagi harga minyak ini naik dengan kadar 10%, sudah banyak dan bertalu-talu syarikat minyak membuat permohonan untuk menaikkan harga minyak daripada harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan pada pertengahan 1974. Jadi, Kerajaan berpegang teguh kepada pendirian bahawa kita tidak menaikkan lagi jika sekiranya tidak ada bukti-bukti yang jelas menunjukkan mereka ada mempunyai alasan kuat bagi harga itu dinaikkan. Tetapi selepas dinaikkan harga minyak dengan kadar 10% sungguhpun sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat kenaikan itu adalah setakat 5% ini juga melibatkan kedudukannya dari segi yang saya kata tadi pada masa lepas mereka sudah membuat permohonan untuk menaikkan harga. Minyak gas 81 sen satu gelen itu kerugiannya itu telah ditampung dengan keuntungan yang diperolehi oleh mereka daripada jualan minyak petrol. Tetapi sekarang ini oleh kerana kenaikan harga minyak petrol walaupun setakat 5% telah menyebabkan dia menderita kerugian minyak gas dan juga mungkin kadar keuntungan itu tidak begitu tinggi sudah tentulah mereka akan menderita kesusahan jika sekiranya keadaan ini tidak berubah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan untuk mengelakkan satu kenaikan harga minyak yang akan menambah beban rakyat jelata untuk mengurangkan cukai minyak untuk mencapai matlamat ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar tentang masalah ini kita sebagai satu negara bukan cuma membeli minyak sahaja daripada Timur Barat, tetapi kita pun ada mengeluarkan minyak. Oleh sebab kita ada mengeluarkan minyak, maka kita ada mendapat keuntungan daripada minyak juga, seumpamanya dalam anggaran pendapatan tahun yang akan datang, kalau tidak salah saya Kerajaan akan dapat \$97½ juta dari pada jualan minyak. Oleh sebab itu, soalan tambahan saya ialah bolehkah Menteri yang berkenaan menggunakan keuntungan daripada jualan minyak untuk membantu minyak yang kita beli dari Timur Barat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu di bawah jagaan Kementerian lain.

DEPOSIT KESELAMATAN (SECURITY DEPOSIT)

8. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa didapati pihak berkuasa mengambil masa yang terlalu lama untuk mengembalikan Deposit Keselamatan (Security Deposit) yang diambil oleh Jabatan Imigresen mengenai pelawat-pelawat dari negara-negara asing yang dianjurkan oleh Rakyat Malaysia;
- (ii) berapa tahunkah bayaran balik Deposit Keselamatan (Security Deposit) yang tersebut di atas masih lagi belum dijelaskan;
- (iii) samada Kementeriannya akan memberi faedah di atas Deposit itu jika bayaran balik tidak dibuat dalam tempoh setahun sejak tuntutan Deposit itu dibuat; dan
- (iv) samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan Deposit-deposit itu disimpan dalam sebuah tabung yang berlainan dan tidak dimasukkan dalam pendapatan

Am (General Revenue), untuk membolehkan penganjur-penganjur mendapatkan balik Deposit mereka sebaik-baik sahaja telah dibuktikan bahawa pelawat-pelawat yang dianjurkan telah bertolak daripada Malaysia.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Imigrasi tidak mengambil masa yang panjang untuk mengembalikan wang cagaran itu jika penaja mengambil berat mematuhi peraturan-peraturan yang diberi seperti memberitahu Pejabat Imigrasi dengan bukti-bukti yang jelas bahawa pelawat yang diunjurnya benar-benar telah meninggalkan negeri ini ataupun jika dia kehilangan resip asal cagaran itu dia mengambil tindakan menyelesaikan perkara itu dengan pihak-pihak imigrasi dengan segera. Jika sekiranya semua ini dipatuhi wang cagaran ini akan dapat dibereskan selewat-lewatnya dalam masa 3 bulan daripada tarikh pelawat itu meninggalkan negeri ini.

Soal faedah tidak timbul kerana wang itu bukanlah merupakan wang simpanan bank. Pembayaran balik wang itu dibuat dari imprest account dan tidak ada kesulitan yang timbul untuk mengeluarkannya jika perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dipatuhi.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa wang cagaran itu dihantar kepada Treasury dan dikredit dalam General Revenue dan bukan di dalam satu account yang lain. Jadi oleh kerana itu pada pertengahan tahun tidak cukup wang dalam peruntukan di bawah vote Kementerian dan ramai orang yang tunggu lebih daripada satu tahun untuk mendapat balik wang itu.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu tidak tepat tetapi apa yang saya katakan tadi jika semua perkara yang dikehendaki oleh Jabatan Imigrasi dapat dibereskan dalam tempoh 3 bulan sahaja wang itu dapat dikembalikan.

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahan. Keadaan itu tidak benar oleh kerana saya sendiri ada bawa pengundi-pengundi saya dari kawasan saya ke Pejabat Imigrasi dan saya telah diberitahu bahawa wang tidak mencukupi dan mungkin tahun depan sahaja peruntukan itu dapat ditambah. Ini adalah dari pengetahuan saya sendiri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan K. Pathmanaban: Soalan tambahannya adakah benar bahawa wang itu dibayar balik dalam masa 3 bulan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tidak benar apa? Sila ulang sekali lagi.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa bukan semua orang yang menjelaskan pelawat-pelawat yang mereka anjurkan telah meninggalkan negara ini dapat balik wang itu dalam masa 3 bulan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Oleh sebab saya sendiri

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, duduklah, jangan sambung lagi, berleter sahaja Menteri pun susah hendak jawab. Yang mana soalan tambahan mana, yang mana leteran.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, dari pengetahuan yang sampai kepada saya, itulah jawapan yang saya berikan tadi, tetapi jikalau ada pengetahuan lain pula Ahli Yang Berhormat itu bolehlah memberitahu saya kemudian.

BANJIR DI JALAN KEPONG

9. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar Jalan Kepong daripada bulatan dengan Jalan Ipoh hingga ke Kepong sentiasa banjir waktu hujan lebat; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mencegah banjir tersebut.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan saya telahpun menerangkan di Dewan ini beberapa hari dahulu tentang kedudukan banjir di Kuala Lumpur dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya. Jabatan Parit dan Taliair yang telah ditugaskan untuk menyediakan pelan pamaritan di Kuala Lumpur telah menjalankan kajian permulaan di atas banjir di Jalan Kepong itu dan adalah didapati bahawa banjir di kawasan itu disebabkan oleh pamaritan di tepi jalan yang tidak baik keadaannya. Tindakan untuk memperbaiki parit-parit tersebut akan diambil apabila kajian kejuruteraan secara detail telah dijalankan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab air bah telah berlaku di Jalan Kepong bukan satu tahun, atau dua tahun malah barangkali 10 tahun lebih, jadi berapa lama lagi Jabatan Parit dan Taliair akan siasat atas perkara ini sebelum Jabatan tersebut akan berindak?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi, tindakan untuk memperbaiki parit-parit tersebut telah diambil pada masa ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu bertanya, sesudah diambil tindakan pun banjir juga. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri kata tadi tindakan telah diambil, tetapi boleh dikatakan bahawa pada seminggu sebanyak tiga atau empat kali saya berjalan melalui Jalan Kepong dan saya tidak lihat apa-apa kerja yang diadakan di sana. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan siasat atas perkara ini dan boleh mengarahkan Jabatan Parit dan Taliair menunjukkan kepada beliau samada mereka benar-benar ada membuat kerja di sana. Pada pendapat saya dan pada penglihatan saya tidak ada kerja yang dibuat pada masa sekarang.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, payah saya hendak jawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, sebab saya tidak periksa pada tiap-tiap hari pekerjaan kejuruteraan daripada Jabatan Parit dan Taliair. Tetapi saya telah beri arahan kepada Dewan Bandaraya supaya mempercepatkan tugas ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong, bila ada banjir boleh talipon Yang Berhormat Menteri.

RUMAH KEDAI DI SUNGAI SIPUT MENERUSI UDA

10. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan samada beliau bercadang hendak membina rumah-rumah kedai di Sungai Siput menerusi UDA dengan tujuan untuk meninggikan taraf perniagaan anak-anak bumiputra di kawasan yang tersebut.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, UDA adalah satu perbadanan yang diberi tugas di antara lain untuk membangunkan harta di bandar-bandar dan khususnya di Wilayah Persekutuan. Baru-baur ini UDA telah diarah mengembangkan aktiviti ke Ibu-ibu Negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh sebab itu, masaalah pembinaan rumah kedai di Sungai Siput oleh UDA adalah di luar tanggungjawab dan aktiviti UDA pada hari ini. Apabila UDA dapat meluaskan aktiviti ke bandar-bandar lain, cadangan ini akan dikaji selanjutnya mengikut keadaan dan kemampuan yang ada pada UDA. Namun demikian, Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam akan meminta kerjasama daripada Perbadanan Ekonomi Negeri Perak dan juga MARA untuk membantu masaalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

IBU PEJABAT IMIGERESEN KUALA LUMPUR

11. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah bangunan baru Ibu Pejabat Jabatan Imigresen di Kuala Lumpur akan dibina, memandangkan keadaan buruk bangunan sekarang di Jalan Tugu di mana ramai orang-orang yang perlu dilayan pada tiap-tiap hari.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, projek bangunan Ibu Pejabat Imigresen Kuala Lumpur telahpun dirancang dan akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga di bawah Rancangan Kompleks Bangunan Persekutuan.

KEMALANGAN JALANRAYA

12. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan jumlah kemalangan jalanraya dalam tahun 1974 dan 1975 dan jenis kereta-kereta yang terlibat; jika butir-butir jenis kereta yang terlibat tidak dapat ditentukan, samada Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan kajian dengan kerjasama badan-badan swasta seperti A.A.M. dan lain-lain.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan

Yang di-Pertua, jumlah kemalangan jalanraya dalam tahun 1974 dan tahun 1975 ialah seperti berikut:

Tahun 1974	..	51,213 kemalangan.
Januari sampai Jun		
1975		26,897 kemalangan.

Butir-butir jenis kereta yang terlibat dalam kemalangan tidak dapat saya beri oleh kerana pihak Polis tidak ada rekod mengenainya seperti yang telah saya terangkan dalam jawapan saya dalam Dewan ini pada 9hb Julai, 1975 yang lalu. Pihak Polis juga berpendapat bahawa adalah tidak perlu mengetahui jenis-jenis kereta yang terlibat dalam kemalangan oleh kerana mengikut perangkaan yang dikumpulkan oleh Polis itu sebab-sebab kemalangan yang banyak berlaku di negara kita ini adalah disebabkan oleh kesalahan pemandu-pemandu itu sendiri (drivers' fault).

Sebab-sebab kesalahan mechanical, kesalahan kejuruteraan, kesalahan orang berjalan kaki adalah sangat kecil bilangannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1974 sebanyak 65.95% daripada jumlah kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh kesalahan pemandu kenderaan.

Kesalahan mechanical		.79%
Kesalahan binatang		1.81%
Kesalahan Jalanraya		2.11%
Kesalahan Lampu		.24%
Kesalahan orang berjalan kaki		9.51%

dan lain-lain sebab ialah 18.73%.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kemalangan jalanraya seperti yang dikatakan tadi adalah juga selain daripada human factor, disebabkan oleh mechanical defect. Jika sedar, mengapa kajian yang mendalam tidak dibuat untuk menentukan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ulang balik soalnya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Mengapa kajian yang mendalam tidak dibuat untuk menentukan apakah yang telah menyebabkan kemalangan yang disebabkan oleh mechanical defect?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi tidak perlu kita membuat kajian ini kerana kemalangan yang disebabkan mechanical defect ini adalah hanya .79% daripada semua kemalangan-kemalangan jalanraya. Dengan sebab itu tidak perlu pada pendapat kita untuk mengadakan kajian ini.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan di Dewan ini samada Yang Berhormat Menteri akan membuat kajian?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia sudah jawab soalan itu tadi, kalau dia tidak hendak buat bermakna tidak buatlah.

KAMPUNG BARU CHANGKAT PINGGAN

13. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar bahawa Kampung Baru Changkat Pinggan (Kg. Gajah) terbiar sahaja dari segi kemajuan keadaan sekitarnya, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk di masa akan datang.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Snari): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa di masa Kampung-kampung Baru ditubuhkan di waktu dharurat dahulu, kebanyakan keperluan-keperluan asas seperti sekolah, jalan-jalan raya, bekalan elektrik dan air telahpun diadakan. Tetapi oleh sebab penyelenggaraan (maintenance) yang teratur tidak dijalankan ke atas keperluan-keperluan asas itu, maka keadaan telah bertambah buruk. Kesemuanya ada terdapat sebanyak 465 Kampung Baru di negara ini dan usaha-usaha Kerajaan bagi menyelesaikan semua masalah di Kampung-kampung Baru itu akan mengambil masa. Akan tetapi Kementerian saya akan cuba memperbaiki kedudukan-kedudukan yang buruk itu supaya keperluan asas dapat diadakan dengan sempurna kepada Kampung-kampung Baru, termasuk Kampung Baru Changkat Pinggan.

Dalam pada itu saya berharap Jawatan-kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang ada di Kampung Baru Changkat

Pinggian dapat mengkaji projek-projek pembangunan yang diperlukan oleh mereka dan mengemukakan kepada Kementerian saya untuk pertimbangan. Pada dasarnya, Kementerian saya menggalakkan projek-projek pembangunan dijalankan secara gotong-roiyong.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Saya rasa kemudahan-kemudahan asas yang sebenarnya tidak ada di situ, tetapi mengapa sudah lama Kampung Baru yang tersebut dibuat tetapi sehingga hari ini bekalan air dan letrik tidak ada sampai di situ. Jadi kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, saya rasa adalah berlawanan dengan apa yang disebutkan dan mengapa telah lama Kampung Baru yang tersebut dibuat tidak ada lagi kemudahan yang disebutkan tadi.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Sebetulnya sebagaimana yang saya katakan tadi oleh sebab Kampung Baru ini ditubuhkan dalam masa dharurat, pada mulanya kemudahan-kemudahan asas itu memanglah sebahagian besarnya telah diadakan, tetapi oleh sebab penyelenggaraannya tidak berjalan sejak dibina maka kemungkinan kemudahan-kemudahan asas itu tidak kekal sehingga masa ini.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bila akan dibina?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang diterangkan, pembangunan membina kemudahan-kemudahan asas bagi semua kampung-kampung baru akan dilaksanakan dari satu masa ke satu masa.

KOMPLEKS RUMAH KEDAI DI RENGIT

14. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan samada beliau sedar peniaga-peniaga Bumiputra dan seterusnya penduduk-penduduk di kawasan Rengit, Batu Pahat, Johor sedang tertunggu-tunggu Kompleks Bangunan Kedai dan Gerai MARA di Pekan Rengit sungguhpun ianya dirancang sejak beberapa tahun yang lalu. Jika beliau sedar apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan dijalankan bagi menjayakan kompleks yang tersebut itu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, cadangan membina Kompleks Rumah Kedai di Rengit, Batu Pahat, memanglah telah ada dan Lapuran awal atas pembinaan ini telahpun disediakan sejak awal tahun ini. Tetapi disebabkan terlalu banyak rancangan-rancangan yang perlu diberi keutamaan bagi tahun ini terutama sekali projek-projek yang sedang dijalankan atau projek-projek yang sedang disambung perlaksanaannya daripada tahun-tahun yang lepas dan juga projek-projek yang ada pada tahun ini, maka cadangan Rumah Kedai di Rengit terpaksa dikebelakangkan sedikit. Walau bagaimanapun, rancangan ini telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan akan dilaksanakan apabila MARA diberi peruntukannya.

IBUSAWAT TALIFON BARU ANGKA-SILANG DI KUNAK

15. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) samada benar bahawa kawat talipon sudah dipasang di Kunak, Sabah tetapi mengikut Jabatan Talikom taliponnya masih belum ada lagi; dan
- (b) samada Kerajaan membuat sesuatu itu tanpa kajian yang teliti, jika ya, mengapa kejadian seperti ini berlaku.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Talikom mengesahkan bahawa pemasangan Ibusawat Talipon Baru Jenis Angka-Silang (Crossbar Type) di Kunak, Sabah belum siap lagi. Apabila pemasangannya siap, yang dijangkakan pada hujung bulan Januari 1976, maka ibusawat talipon 100 talian ini akan dimulakan dan perkhidmatan talipon akan diberi kepada pemohon-pemohon dalam kawasan ini.

PEJABAT POS TAWAU

16. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada apa-apa Rancangan untuk membesarkan Pejabat Pos yang ada sekarang di Tawau atau membina yang baru memandangkan kesesakan yang terdapat di Pejabat Pos yang ada sekarang ini.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebuah pejabat pos moden yang baru untuk Tawau bagi menggantikan pejabat pos yang ada sekarang ini sedang dipertimbangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

JALANRAYA BUKIT PUNДАР KE SIMUNJAN

17. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan bercadang menyambung jalan yang sedia ada dari Bukit Pundar ke Simunjan, Sarawak, jika ya, bila kerja pembinaan akan dimulakan.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, penyambungan jalanraya dari Bukit Pundar ke Simunjan telahpun dimasukkan ke dalam cadangan-cadangan untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, saya dukacita tidak dapat memberitahu Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini pada hari ini berkenaan pertanyaan beliau bilakah pembinaan akan dimulakan oleh kerana Rancangan Malaysia Ketiga belum diputuskan lagi.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

18. Tuan Haji Suha'mi bin Datuk Haji Kamaruddin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar bahawa nilai ringgit Malaysia telah jatuh berbanding dengan ringgit Singapura. Jika ya, apakah langkah yang Kerajaan akan ambil demi menjaga nilai ringgit kita.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat kebenaran bahawa kadar pertukaran Ringgit telahpun merusut baru-baru ini dibandingkan dengan Ringgit Singapura haruslah diingat bahawa pada masa yang lepas Ringgit Singapura telah mengalami kemerusutan dibandingkan dengan Ringgit Malaysia. Ini adalah satu contoh bahawa oleh kerana kadar pertukaran ditentukan secara bebas di dalam pasaran pertukaran matawang asing oleh tekanan-tekanan permintaan dan penawaran maka adalah menjadi kebiasaan bagi kadar tersebut menaik dan kadang-kala menurun.

Kerajaan tidaklah mengambil berat tentang keteguhan dan kelemahan Ringgit dibandingkan dengan mana-mana satu matawang asing. Ringgit Singapura adalah satu contoh matawang asing tadi. Kerajaan lebih mengambil berat mengenai nilai Ringgit dibandingkan dengan kesemua matawang-matawang negara-negara yang mempunyai perhubungan-perhubungan perdagangan yang penting dengan negara kita. Saya dapat menjamin Dewan ini bahawa nilai Ringgit adalah teguh dibandingkan dengan matawang-matawang lain secara keseluruhannya dan Ringgit haruslah dinilai secara satu kumpulan negara-negara dan tidaklah hanya dengan Singapura sahaja.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER- BEKALAN, 1976

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (10hb November, 1975).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,649 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru sedang bercakap dan saya telah membenarkan beliau menyambung ucapannya pada hari ini. Tetapi Ahli Yang Berhormat tidak dapat hadir pada hari ini, kerana dukacita ayah-andanya telah meninggal dunia pada pagi ini tadi. Sekarang terbuka untuk perbahasan.

3.16 ptg.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di dalam perbahasan ini dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba dahulu dalam Bahasa Malaysia banyak-banyak, sudah tidak boleh berjalan lagi, baru pakai tongkat.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, if we look briefly at the Budget for the year 1976 we may think that it is a good Budget as it is said to be only putting burdens on the middle and higher income groups in respect of real property gains. But when we look carefully, it is not so, Sir, as we can see clearly that those in the lower income bracket are also hit by the increased taxation imposed on the sale of essential items like motor-cycles, portable T.V. sets and radios and lower quality sewing machines plus some essential electrical fittings and appliances. Also, low class refrigerators can be considered as an essential requirement for the people of today, especially to the rural people where electricity supply is absent. They need refrigerators for preserving the food that they buy from towns or their own produce for self-consumption. Without it these people have to waste a lot of money for going about buying their food every day and thus they waste a lot of time and manpower too and there will be no other means to them to stock their own produce. This will discourage people in the rural areas to follow the Green Book policy and the Government's good intention in this particular respect, Sir, cannot be translated into economic cure for our economic ill.

The Green Book policy will not materialise without the support of the natives, nor will people support it unless it is proved to be beneficial to them. So, if you want to see this really benefit the people, we must think a way of assuring the rural dwellers that their produce can be preserved, at least for their own consumption. To do so, this group of people need refrigerators. Therefore, to my mind, Sir, refrigerators should be excluded from the list of the luxurious items on which prices will be increased, resulting from tax increase which will be imposed on them after the passing of this Bill.

Another item is motor-cycles. Due to the industrial development in our country, there are many people who have to go to work by motor-cycles and that is the only means for them to earn their living. The Honourable Minister of Finance thinks that these motor-cycles are luxurious items and so are liable to a higher duty. I do not want to elaborate further on this but just to draw the attention of the Rt. Hon. Minister of Finance to withdraw his proposals on increased taxes for refrigerators, motor-cycles and other essential electrical requirements and fittings so that the low income group will not be badly hit by this Budget and can enjoy their living without further hardships.

Sir, the First and Second Malaysia Plans had not done much to change the economic position of the people of the rural areas of Sarawak. On the one hand, the net income of the ordinary people in the long-houses of the rural areas, especially the up-river people of Ulu Kanowit, Upper Rejang, Ulu Bintulu and all the long-houses of the head-waters in the Sarawak Second Division, has not changed in the last 12 years. Indeed, Mr Speaker, Sir, they are getting less for things which they produce because either the price has dropped like rubber or because the cost of production has increased. I have in mind, Sir, the rising cost of fertilisers and insecticides. On the other hand, the consumer goods they have to buy have gone up mountain-high. For example, Mr Speaker, Sir, a tin of sardines, which some years ago cost only 40 cents, now costs more than \$1 or one ringgit. A kati of ikan bilis, which cost 80 cents a few years ago, now costs about \$4 a kati.

Sir, another thing which is adding to the headache of the rural people is that it is no more cheap for them to move themselves or their produce about because of the high cost of petrol and outboard engines which have increased many folds. Here, Sir, I must emphasise that the rural people of most remote areas of Sarawak have suffered a great deal. There are no proper roads into the rural areas. River transport is the only mode of moving into or out of these areas. They need to use outboard engines and petrol to run their engines.

Mr Speaker, Sir, it is with this in view that I wish to urge the Government in implementing the Third Malaysia Plan to take into consideration the burdens of the rural people and to make provisions not only by way of policy, but also to increase the productivity of the rural community whereby we can enhance and increase their earning power, so that the rural community can become an economically viable community. Towards this goal, Sir, I say there is nothing like roads in the rural areas that can stimulate such a situation.

I now come to housing, Mr Speaker, Sir. We all know that the Government by its own efforts or through statutory bodies have already started some low-cost housing projects. Unfortunately, these projects have centred in the urban areas where private developers have already played a major role. I would like to urge the Government to initiate similar housing schemes for the rural people. It need not be the same type of houses as in the towns. The rural people, as we know, simple as they are now, would be happy to have wooden houses. I believe that under the Government's present policy of encouraging utilisation of our locally produced timber, it would not be difficult to start such housing schemes. On their own the rural people cannot build their own houses by extracting timber from the jungle. They also find it difficult to buy timber from local sources. The unfortunate situation here is that these rural communities are surrounded by timber forests and yet they are faced with problems of want of timber materials. Sir, I venture, if I may, to suggest that the Government should look seriously into this matter and subsidise these people with sawn timber or allow them to cut trees in their areas for the purpose of building their houses.

Mr Speaker, Sir, before Malaysia was formed we all knew that this Federation would go on to be a real democratic country. Since its formation, Malaysia has gone beyond control, possibly due to unfortunate circumstances, such as the incident of May 13, 1969 and the student demonstrations that have taken place. Luckily, we have had two good Prime Ministers to run this country, otherwise this country would have gone into chaos like some other countries in South-East Asia where the Communists have taken over and the military authorities there have taken control and thereby have defeated the democratic principles and replaced democratic systems of government. This is what we do not want to see, Sir, what we do not want to believe and exist. But the question before us is, how we are going to prevent this from happening without having democratic freedom in all approaches to find solutions to our problems.

Now, Mr Speaker, Sir, we have exercised Special Regulations for maintaining the security situations of this country. These Regulations are supposed to be tabled before this Honourable House, but instead the Government has to exercise this without even bringing it to this House for debate. Because of the apparent urgency of these Security Regulations, I ask the Government to give its true reasons for having it introduced and exercised in this manner. Is it because of the strong subversive elements in Malaysia or because of the pressure from the Police or the Military, or is it because the Barisan Nasional are afraid of a military take-over? Without explaining to the House, the Government may be accused of abusing its two-third majority power to suppress all opposition to their plans and policies.

I now come to the subject of education. In Sarawak, Sir, the State Government has taken over the administration of primary schools through the State Education Department from the local authorities. Because of this, the Education Department is responsible, among other things, for the repairing of school buildings and teachers' quarters. Generally speaking, the school buildings and the teachers' quarters in the rural areas are in a very poor condition as many of them were built on gotong-royong basis and were built by semi-skilled local carpenters with

poor quality timber and with poor maintenance they quickly became unfit to be used as class-rooms and teachers quarters.

Sir, I urge the Government, therefore, to spend more money to build better buildings and provide proper facilities and maintenance for primary schools in Sarawak, especially the ones in the rural areas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Saya suka menarik perhatian bahawa kita sekarang ini di dalam perbincangan perkara dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan. Perkara detail seperti ini kalau dapat jangan banyak sangat, sedikit-sedikit saya benarkan juga, tetapi jangan banyak sangat. The debate should be confined to the general principles of Government policy and administration in relation to both the Ordinary and the Development Estimates. You should not go into detail. That you can go into when we come to the Committee Stage. Now, please confine all your observations to the general principles of Government policy and administration. Proceed.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: I will not be too long on this subject, Sir. In this way we can then give our rural children a chance to have the full opportunity as their urban counter-parts, so as to improve their educational standard before they enter secondary schools. The present facilities place them at a great disadvantage.

Sir, another point I wish to bring up here is the launching of Bahasa Malaysia intensive teaching programme in the State of Sarawak. We have not enough teachers to teach Bahasa Malaysia. Some of the present teachers do not speak much English, that they need to teach the students who do not yet understand Bahasa Malaysia. In this respect I would like to caution the authority concerned for the selection of Bahasa Malaysia teachers serving in Sarawak to be more selective and practical, otherwise they will send unqualified teachers to teach Bahasa Malaysia and thus this will hinder the general progress of the language. In addition to that, we need more funds for launching the programme and in a big State like Sarawak where communications still depend on river transport, I hope the Ministry concerned will note this point.

We do not have enough trained teachers also especially graduates to teach in the Sarawak secondary schools especially in the science stream in spite of our emphasis on the teaching of science to compete with other countries in the field of science and technology. In-service courses for teachers have to be organised properly to enable the teachers to keep abreast with the educational development in our country. In this respect we need more qualified people responsible for this useful organisation.

In the Malaysian universities, of course, we have students of all races studying there, but it is still regrettable for us to note that the number of Dayak students appear to be disproportionate to the overall student population in Malaysia. I do not know the reason but possibly it may be due to certain difficulties in getting entries and places in our universities. It would be enlightening to know the reason. I would like to draw the attention of the Honourable Minister of Education to this particular problem and to investigate the matter in detail before it drifts too far away. More qualified Dayak students should be assured of places in our universities.

Now I come to the subject of corruption, Sir. While congratulating the Honourable Minister of Finance for having this Budget prepared and presented to this Honourable House, I am also criticising the Barisan Nasional for its apparent failure to eradicate corruption in this country. With the establishment of the National Bureau of Investigations, Sir, we have put our faith in the Government in their undertaking at least to wipe out corruption among the politicians who are responsible for the maintenance of the economic stability of this country. Despite what they are doing now, we can still see the ugly signs of corruption in some political dealings. I would not be too specific about this but the people of this country know about the inside story of corruption in Malaysia. Let us have once more good faith in the National Bureau of Investigations. As it is the duty of Parliament to see that this Agency work rightly, justly and effectively without fear, I feel it is necessary to have a representative from the Opposition Party to sit on the National Bureau of Investigations, otherwise this Bureau will be a mere political manoeuvring body that will only go after the small fries.

I was pleased to hear the Honourable Minister of Finance stress on racialism which has been in existence for the whole period of our independence. This racial outlook, attitude and problem could not be solved by any means as long as Malaysian pattern of Government founded on the basis of racial political parties still exists. If we really want to do away with racial politics and communal attitude, then the Government must blame the Barisan National leaders for prolonging the existence of racial political parties in the Barisan Nasional fold. It is rather useless, Sir, for one to be sorry for what one does intentionally. It is impractical for one to teach singing unless one is able to sing the particular tune. I hope the Barisan Nasional would mean what they say and be realistic about it in this particular respect so that they can change their approaches to racial and communal problems that will come before them.

Mr Speaker, Sir, I have noted with regret that the Barisan Nasional Government in introducing this Supply Bill for Services for the year 1976 has not included provisions for the 13th month bonus payments to civil servants next year, additional expenses above those estimated for security and defence which will arise during the year; subsidies amounting to \$183 million including \$88 million for rice and \$50 million for urea and implementation of the Ibrahim Ali Salaries Commission recommendations. To me, Sir, this shows that the Barisan Nasional Government is still not sure of their plans for next year. This may mean that they are going to create another tax increase to raise a big amount of money for these important matters next year or we just leave them aside. But can we, Mr Speaker, Sir, go without the Budget estimates for additional expenses for security and defence, the 13th month bonus payments to the civil servants, subsidies for rice and urea, the salary recommendations of the Ibrahim Ali Commission without implementation at this time of recession and inflation? If we leave this Commission's recommendations without implementation, what will happen to the people affected by it? I am sure they will rave financial suffering and frustration. What will happen to the rice consumers and dealers who needed the rice subsidy? What will happen to the security forces who need expenses for their activities? What will

happen also to the civil servants who are waiting for their 13th month bonus payments. In this respect, Sir, I strongly urge the Government to look into this matter more seriously and make certain provisions for these matters of national importance.

3.37 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang telah memberi satu Budget yang sesuai untuk negara pada masa sekarang. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggunakan bahasa Inggeris dalam introduction sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Campur-campur, dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Dr Hee Tien Lai: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, our Honourable Minister of Finance, after much serious consideration and deliberation, has come up with a Budget proposal which is aimed at causing the minimal hardship and discomfort to any sector of the population. Our Honourable Minister of Finance has also mentioned in his Budget Speech that the communists and anti-national elements have caused concern to our country. I must also thank our Honourable Member for Johor Bahru who has alerted this august House of the real existence and not the fictitious existence of the communist threats. He has mentioned that the people involved are only a very small number. Yes, the number may be small, yet they can hamper the progress and development of the country particularly at this infant stage and can cause disunity and disruption among our peace-loving people and cause extensive damage to our country disproportionate to this small number of people involved.

Tuan Yang di-Pertua, the finger of warning is now pointed again at the New Villages in our country. In this connection, inspired by our Tun Perdana Menteri in his statement yesterday in the newspapers, I would like to say a few words concerning the New Villages and the current security problem.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya suka mengatakan beberapa perkara mengenai kehidupan dan kedudukan dalam kampung-kampung baru dalam negara kita. Saya

berfikir sudah kenal pada tempat dan masanya saya berucap tentang perkara ini pada masa negara kita sedang menghadapi masalaah keselamatan sebagaimana yang telah ditegaskan beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri kita. Semenjak masa dharurat pada tahun 1948, penduduk-penduduk yang tinggal terpencil di merata-merata tempat di luar bandar telah terpaksa berpindah ke tempat-tempat yang ditetapkan khas untuk mereka. Tempat-tempat itu dipanggil sebagai kampung baru pada hari ini. Pagar berduri (barbed wire) telah dipasang bagi mengelilingi kampung-kampung baru itu. Ini adalah satu langkah mustahak yang sungguh berkesan bagi mencegah penduduk-penduduk yang bersimpati dengan komunis itu daripada memberikan apa-apa juga pertolongan kepada komunis, tetapi pada hari ini keadaan telah berubah. Pengganas-pengganas komunis bukan sahaja menderhaka di bandar-bandar dan di pekan-pekan di mana ramai orang tinggal.

Dari kejadian-kejadian yang berlaku baru-baru ini kita sedar bahawa kegiatan-kegiatan komunis adalah bertambah. Kita patut bersyukur kepada Kerajaan kita yang setakat ini telah memberikan banyak sumbangan dan kemudahan kepada kampung-kampung baru untuk mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat itu tetapi banyak lagi kemudahan-kemudahan dan pertolongan yang diperlukan. Kebanyakan penduduk-penduduk yang tinggal di kampung-kampung baru ialah orang Tionghua. Dalam pandangan saya mereka berasa tidak puas hati dengan keadaan kehidupan di dalam kampung-kampung baru itu. Kebanyakan rumah yang didirikan 27 tahun dahulu kurang sihat, berbentuk buruk dan tidak sampai taraf yang dikehendaki (sub-standard). Jalan-jalan di hadapan rumah mereka masih belum tetap, debu-debu berterbangan apabila kenderaan lalu di situ, air dalam parit dan longkang tidak boleh mengalir kerana setengah-setengah bahagian tersumbat dan tertimbus dengan tanah-tanah yang jatuh ke dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu kampung yang saya baru lawati setelah saya menerima pengaduan daripada penduduk-penduduk kampung itu, saya terperanjat melihat sayur kangkong tertanam di dalam parit. Saya pun bertanya kepada penduduk-penduduk yang berhampiran mengapa sayur

kangkong ditanam di dalam parit? Seorang penduduk menjawab begini: Kami hanya melaksanakan rancangan Buku Hijau sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri kita. Nyamuk Aedes membiak di dalam longkang dan parit yang sudah lama tidak dibersihkan telah menyebabkan demam denggi dan sudah menelan beberapa nyawa manusia, terutama sekali di kampung-kampung baru seperti dalam kawasan Parlimen Ayer Hitam, Johor. That was the worst hit area in the last dengue epidemic in the whole country. Bekalan api letrik dan air paip adalah sangat penting untuk penghuni-penghuni dalam kampung-kampung baru. Ada banyak kampung baru yang telah dibekalkan api letrik dan air paip tetapi ada setengah-setengah masih memerlukan. Oleh kerana tidak ada air paip maka penduduk-penduduk itu terpaksa mendapatkan air dari perigi-perigi. Pada masa kemarau perigi-perigi pun kering dan penduduk-penduduk itu selalu meminta Tuan Pegawai Daerah yang berkenaan supaya menghantar air minuman ke kampung-kampung itu. Dalam suatu kampung baru kononnya pemuda-pemuda lelaki susah mencari teman hidup kerana gadis-gadis dalam kampung itu hanya suka mencari jodoh di luar kampung sebab mereka sudah lama menderita dalam usaha untuk mendapatkan air minuman dan kadang-kadang mereka terpaksa pergi ke sungai-sungai yang jauh untuk mandi dan membawa balik air sungai itu untuk membasuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat gembira untuk menyatakan di sini, iaitu pada hari semalam saya ada membaca dari akhbar dalam negara kita di mana Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah menyatakan persetujuannya untuk memberikan sekeping tanah dari Kerajaan kepada penduduk-penduduk di kampung baru yang tidak ada mempunyai tanah. Di sini saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita. Yang sebenarnya, kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tun itu memang telah ada dalam fikiran saya untuk saya mengambil peluang memberikan ucapan saya di dalam Dewan yang berbahagia ini dengan harapan semoga Kerajaan dapat

memberikan tanah kepada penduduk-penduduk di kampung baru yang tidak ada mempunyai tanah langsung.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota keluarga semakin bertambah sejak zaman dharurat. Setengah-setengah keluarga mempunyai 20 atau 30 orang dalam sebuah rumah kecil di bawah bumbung yang sama. Ini boleh membangkitkan masalaah social psychology. Keluarga yang besar-besar sumpama ini patut dipecahkan dan mesti mencari tapak perumahan baru bagi mendirikan rumah baru bagi setengah-setengah anggota itu. Mereka telah memohon tapak perumahan dalam masa 10 tahun yang lepas tetapi malangnya tiap-tiap kali permohonan mereka tidak berhasil. Ada setengah-setengah rumah yang didirikan pada zaman dharurat tetapi sehingga sekarang geran Q.T. pun belum dikeluarkan. Rumah itu sudah buruk, papan pun mudah jatuh, rangka dan tiang-tiang rumah itupun tidak tegap, hampir-hampir akan jatuh, ini merbahaya bagi penghuni-penghuni yang tinggal dalam rumah itu. Penghuni-penghuni itu telah berjimat-cermat dan telah menyimpan beberapa ribu ringgit dalam tempoh 20 tahun yang lampau dengan harapan mereka akan membina sebuah rumah yang sederhana baik di atas tapak perumahan yang sama. Oleh kerana geran Q.T. belum didapati dan sempadan-sempadan tapak perumahan itu belum diketahui maka penghuni-penghuni itu yang mematuhi undang-undang pun tidak berani mendirikan rumah baru tetapi ada setengah-setengah penghuni yang tidak sabar dan yang tidak mengetahui undang-undang telah merobohkan rumah lama mereka dan seterusnya mendirikan rumah baru.

Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah penduduk telah memohon geran Q.T. bagi tapak perumahan mereka dalam tempoh beberapa tahun yang lepas tetapi sehingga sekarang permohonan mereka belum berhasil. Ada setengah-setengah penduduk pun tidak pernah mendapat jawapan bagi permohonan mereka. There are still a few cases where they have not received replies to their letters for 20 years. Dalam kampung baru penduduk-penduduk bertambah ramai. Ada setengah-setengah penduduk hanya menyewa rumah orang lain. Mereka sendiri telah memohon sekeping tanah dari Kerajaan untuk membuat sebuah rumah sendiri.

Permohonan itu sudah memakan masa beberapa tahun dan akhirnya tidak berjaya. Apabila rumah yang disewa itu diambil balik oleh tuannya mereka terpaksa mencari sekeping tanah Kerajaan dan atas tanah itu mereka mendirikan rumah tanpa mendapat keizinan daripada Kerajaan. Rumah-rumah itu disebutkan sebagai rumah haram yang boleh dijumpai di setengah-setengah kampung-kampung baru.

Dengan alasan-alasan yang diberikan di atas kita tidak payah memahami apa sebab penduduk-penduduk dalam kampung-kampung baru yang kurang baik nasibnya selalu dipengaruhi oleh propaganda kominis. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi tanah kepada orang-orang yang sangat-sangat memerlukannya dalam kampung-kampung baru di mana mereka boleh mendirikan rumah-rumah sendiri dan sekeping tanah bagi mereka bercucuk-tanam supaya dapatlah mereka berasa bahawa mereka sendiri adalah rakyat juga dalam negeri ini dan patut cinta dan taat setia kepada negara ini di mana mereka telah dilahirkan dan dipelihara dan akhirnya akan meninggal di situ pula.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kanak-kanak yang tinggal dalam kampung-kampung baru yang majoritinya adalah kanak-kanak Tionghua, saya merayu kepada Kerajaan untuk memberikan sekolah-sekolah moden dengan guru-guru terlatih dan juga meninggikan darjah Bahasa Malaysia dan Bahasa Tionghua.

Berkenaan dengan penjaja-penjaja dan pekedai-pekedai juga memerlukan perhatian kita, sebab mereka pun mudah dipengaruhi oleh kominis. Keperluan mereka sehari-hari mestilah juga dijaga. Oleh sebab itu, kita mesti memandang jauh dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mempertahankan penduduk-penduduk dalam kampung-kampung baru itu daripada dipengaruhi oleh kominis.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan jasa baik Menteri-menteri yang berkenaan supaya dapatlah mereka memberi apa-apa pertolongan yang dikehendaki untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk dalam kampung-kampung baru termasuk sokongan moral, spiritual dan kewangan.

3.51 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I think we will all give our wholehearted support to the Honourable the Deputy Prime Minister and Minister of Finance's Budget philosophy of making the Budget to play a dynamic role in providing economic growth and income distribution within the framework of financial stability. I am particularly heartened by the Honourable Minister of Finance's Statement that the emphasis should increasingly be on the proper identification, preparation and efficient implementation of sound projects and programmes that will directly benefit the lower income groups. In our country, Mr Speaker, Sir, the majority of people, 72% of the total population, are in rural areas and most of them are on subsistence level and therefore qualify to be classified as the "have-nots". In the State of Sarawak, the rural areas are very large and the rural people are spread out very thinly over extensive areas. The logical steps to be taken as a solution would be to re-group or resettle these people in selected areas in which the basic infrastructures such as roads, water, clinics, schools and so on can be provided. This exercise, however, would cost money and require much planning and, most important of all, must have the acceptance of the people affected and it would take time. Anyway, I feel it should not deter us from studying and examining the best way of implementing the scheme.

Mr Speaker, Sir, there is, however, an immediate need of the rural people which we must meet—I refer to the means of communication for them. The rural people do not require highways or bituminised roads but just earth or gravel roads which small lorries and Land Rovers can make use of. I have examined the cost of such rural roads. On the average, it would cost \$30,000 per mile to build and on "gotong-royong" basis it would cost \$20,000 or less. The average cost of building the highway, however, is \$750,000. So, if we were to build four miles of highway less a year, we could build over 100 miles of rural roads per year. As Sarawak is so desperately short of rural roads to serve the kampungs and longhouses, why can't we identify this as a top priority project to be implemented?

Tuan Yang di-Pertua, my proposal does not require any extra funds except the transfer of one fund to the other. Why not we embark on the project then? However, there is a snag. The snag, as I understand it, is that, whereas the highways and the speedways are the responsibility of the Federal Government, all the other minor roads are the State Government's "baby". But if we accept the premise that all highways are usually grown out of smaller roads, such division or, what I might call, compartmentalisation seems illogical and undesirable. And the State Government may not have enough funds for building the minor roads or the rural roads, and so how can we expect the poor rural people to open up and develop the land when there is no means of bringing their products out to the market or bringing the fertilisers to their land.

In Padawan, i.e. my constituency, I have come across a farmer carrying a bunch of bananas from his longhouse early in the morning on his back and after walking for over an hour to reach the main road, he waited for the bus which took him to the town where he sold the bunch of bananas for four ringgit, but he had to pay 70 cents to 80 cents for the bus fare and more than a dollar for his meal in town. By the time he got home, it was already dark and all he got home was two ringgit for a whole day's work, which is hardly worth his trouble. Thus, we see a lot of bananas in the kampungs being left to rot.

Tuan Yang di-Pertua, cannot the financial arrangements, which specify so rigidly what the Federal and the State Government can do, be relaxed? I would propose that one way out of this strict compartmentalisation is for the Federal Government, after examining the needs of a State and the funds required, to allot these funds to the State and let the State utilise it according to the plans submitted by the State.

Alternatively, the total funds for any project may be allotted to the State Government which may utilise this money for road construction whether it be highways or minor roads but subject to the concurrence of the Federal Planning Authority.

Tuan Yang di-Pertua, my proposal may be only made applicable to the less developed States such as Sarawak. This type of proposal

can also be made applicable to land surveys. Although land is a State subject, the development of land, which would increase production and earn more revenue for the Federal Government, must be the concern of the Federal Government. In Sarawak, a large part of the land, particularly the native area and the communal land, has not been surveyed. Boundary disputes between kampung and kampung and between householders in the same kampung are the headaches of the headman and the administrative officers. One solution is to have all the land surveyed and titles issued to the rightful owners.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

I understand the whole exercise would take 100 years but if we take the selected areas only, I am told, that it would take about 50 years. Surely, the Federal Government can help here by providing the training facilities for surveyors and if the number can be tripled or quadrupled, the survey can surely be completed say within one generation. Thus so many school-leavers who may be jobless can be employed.

Tuan Yang di-Pertua, the Economic Report 1975/76 refers to the poor quality of life in rural areas. Although it is true that poverty is a primary cause of it, I think ignorance in having a balanced diet has something to do with it also. I therefore, suggest that a national campaign in educating the rural people on the subject should be launched. In Sarawak, I am afraid, the Radio and TV or the Press can do little good on account of poor communications and the high rate of illiteracy, which means personal approach must be made. So more home demonstrators should be recruited and trained and sent to the kampungs and longhouses. Again, Mr Speaker, Sir, here is an employment opportunity for many young men and women.

The Government, Mr Speaker, Sir, has done much in the agricultural sector by way of Rubber Replanting Scheme, Padi and Coconut Schemes and giving subsidies to pepper planters. No one can deny that the principle of the subsidy scheme is a good one, but I think it is necessary to examine from time to time the system and effects of such schemes including the method of selection and distribution. If we are not careful, it may become counter-productive at least politically.

I have in mind, Mr Speaker, Sir, of the subsidy scheme for pepper in Sarawak. Many planters who happen to be using other people's land under private agreements are excluded from the subsidy scheme and so also are many smallholders, with the result that there is much dissatisfaction and wild allegations of discrimination. To avoid all these troubles, I would suggest that such subsidies be given not to individuals but to organised groups such as farmers' organisations, co-operatives or long houses in any particular area. This will be useful if the subsidy is in the form of fertilisers and it will have the added advantage of getting the farmers to organise themselves.

Tuan Yang di-Pertua, the Agriculture Department in Sarawak has provided houses for farmers and imparts knowledge on modern methods of farming, etc. The noble efforts sometimes are wasted for want of follow-up. There is, therefore, an urgent need for more agricultural extension workers. Here, as in the case of surveyors, there is a need to provide training facilities for more of such workers. Again, this will be an opening for many school-leavers.

Those of us, Mr Speaker, Sir, who have been in constant contact with poor people, particularly small traders, soil tillers and fishermen, have always heard of their complaints about the increase of pay and bonuses given to those in Government Service. Such complaints may not be justified, but they are there. I personally do not grudge such increases. Indeed, I feel every worker should be adequately paid. What I, and I am sure the public at large, want to see is efficient performance and satisfactory service from the Government employees. In spite of the upward adjustment of their pay, I regret to say that efficiency has not improved and in many fields has seemed to have deteriorated.

Has such a sorry state of affairs come about because of the flaw in the system or promotion or failure on the part of the higher-ups to recommend the right men for promotion? Civil servants, Mr Speaker, Sir, also have their pride and self-respect. Any injustice done will be keenly felt and resented. I would, therefore, put in a plea here to those concerned to make sure that promotions are fair and on merits; otherwise you can never expect an efficient and dedicated Civil Service.

In this connection, Sir, may I point out the plight of the Federalised officers serving in Sarawak. These are local officers serving in Federal Departments in the State. Although the Inter-Governmental Committee Report (I.G.C.) which sets out the terms of Sarawak's entry into Malaysia, has stated that their terms of service shall be the same as State officers but when the higher allowances and other privileges were given to the State officers, these Federalised officers were excluded. Neither do they enjoy the same privilege nor do they get the same rate of allowance given by the Federal Government to the Federal Officers. To cap it all, whereas the Federal Officers get inducement pay for serving in Sarawak, no such pay is given to any Federalised officer who happens to do his duty in Peninsular Malaysia. Why this discrimination? Surely, the Government can give them the same benefits and privileges as State officers of equal rank in accordance with the I.G.C. Report or the same benefits and privileges as Federal Officers.

In the same vein, Mr Speaker, Sir, I would like to ask why we in Sarawak are still penalised in having to pay further duty on some of the goods for which import duty has been paid in Peninsular Malaysia when taken to Sarawak from Peninsular Malaysia? I have been informed that because of such imposition, many spare parts for vehicles are being imported instead from Singapore in which case only one import duty is payable. Does not such a measure deprive the traders in Peninsular Malaysia from doing business with us in Sarawak?

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak pun menggunakan Bahasa Malaysia. Cuba gunakan Bahasa Malaysia bersama.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh cuba dan saya hampir hendak habis ucapan saya sekarang. TV sudah sampai ke Sarawak, kami rasa gembira tetapi programnya adalah disappoining sebab kami rasa program TV itu cater for the taste of the Sabahans but needless to say our taste in Sarawak adalah lain daripada taste di Sabah. Seperti juga program Radio di Sarawak adalah lain daripada program di Sabah sebab program kami adalah dikatakan reflect more on our

multi-racial society dan di sebelah sini saya cadangkan iaitu there is a need for introducing programmes in Chinese, Iban and possibly Bidayu language in Sarawak.

In conclusion, I think the Budget is a sensible one in view of the circumstances that we are facing. But there is one point I wish to make and that is, having jacked up the tax rate on the income of the middle and upper middle class, why cannot the personal relief allowance be increased to, say, \$5,000 per annum? It will go a long way to relieve the lower income group in view of inflation. With this comment and mindful of what the Honourable Minister of Finance has said that this Budget theme is to be cautious, pragmatic and flexible, saya sokong Rang Undang-undang ini dengan penuhnya.

4.10 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya turut sama mengambil bahagian untuk berucap dengan seberapa ringkas mengenai Belanjawan Tahun 1976 serta memberi sokongan penuh atas segala ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga sebagai Menteri Kewangan semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1976.

Kenyataan dan jaminan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat itu boleh dikatakan disambut baik oleh segolongan besar rakyat yang taat setia di negara kita ini. Baik dari golongan yang berada sehinggalah keperingkat yang bawah sekali yang disifatkan sebagai rakyat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mengikut seperti yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dengan kuasa Tuhan dan sokongan serta pengorbanan rakyat negara kita telah berjaya menghadapi masalah ekonomi dan kewangan negara. Ini saya rasa adalah tepat sekali. Bagi rakyat yang taat setia dan jujur, baik di bandar-bandar mahupun di luar bandar terdiri daripada berbagai-bagai golongan samada pegawai, pedagang, petani, nelayan dan lain-lain lagi sedikit-sebanyak berkorban sama bagi mencegah dan menentang inflasi. Seperti yang kita ketahui dan saya lihat sendiri di kawasan luar bandar negeri Sarawak, rakyat tidak ketinggalan baik di kawasan kampung-kampung atau rumah panjang yang kita sifatkan mereka

itu sebagai petani bekerja atau berusaha bercucuk tanam barang makanan boleh dikatakan pagi petang baik masa panas mahupun hujan bagi menyahut seruan Kerajaan sebahagian daripada tujuan untuk mencegah inflasi dan juga menjayakan Rancangan Buku Hijau.

Kejayaan rancangan kecil-kecil seperti saya terangkan itu telah terbukti di kawasan saya sendiri di Daerah Mukah, Dalat dan daerah kecil Oya dan Balingian di mana saya pernah terjumpa rakyat di situ memberitahu saya sayuran yang mereka tanam itu tidak habis dimakan sendiri dan hendak dijual di kawasan kampung pun tidak ada pembelinya, disebabkan masing-masing ada bertanam di tanah lapang sekitar rumah dan dibawa ke pasar pun tidak ada pembelinya, walaupun dengan harga yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, beginilah kuatnya semangat sebahagian daripada rakyat negeri ini yang benar-benar menumpahkan taat-setia yang tidak berbelah bagi menyambut seruan Kerajaan yang mereka sendiri pilih. Seterusnya mereka seperti ini sanggup berkorban jiwa raga apabila dikehendaki oleh Kerajaan untuk menentang segala musuh negeri bagi mempertahankan hak kemerdekaan yang dipusakai dari jatuh ketangan penderhaka untuk merampas negara kita yang berdaulat dan kaya-rya walaupun belum dirasai oleh mereka yang taat-setia dari golongan yang miskin yang mempunyai hak bersama terutamanya bumiputra.

Sekarang Sarawak telah 12 tahun merdeka di dalam Malaysia dan berada di akhir Rancangan Malaysia Kedua dan akan disusuli pula oleh Rancangan Malaysia Ketiga yang kami harap dapat memberi nafas baharu kepada segolongan besar rakyat di luar-luar bandar dari berbagai kaum dan kepercayaan.

Baharu-baharu ini rakyat bumiputra di negeri Sarawak yang mempunyai tanah dusun berhampiran ladang kelapa sawit bergembira apabila mendapat tahu Kerajaan akan memberi bantuan sebanyak \$500 pada satu ekar di dalam tempoh masa 3 tahun kepada rakyat yang memasuki rancangan menanam kelapa sawit, yang diutamakan kepada kawasan sejauh 20 batu dari kilang memproses kelapa sawit. Ini adalah satu langkah yang baik bagi membantu rakyat supaya tanah-tanah dusun yang begitu luas

di Sarawak dapat digunakan untuk bercucuk-tanam kelapa sawit dan sebagainya dan tidak terbiar begitu sahaja ditumbuhi lalang dan juga rumput resam. Bagi rakyat di Ulu Balingian, Mukah dan Oya berharap rancangan bantuan menanam kelapa sawit itu tidak terhad untuk suatu kawasan sahaja, tetapi harus meliputi semua kawasan yang ada ladang kelapa sawit seperti kawasan berdekatan dengan ladang kelapa sawit Ulu Mukah yang dipunyai oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak yang sekarang sedang membersihkan hutan dan juga menanamnya di mana satu kilang memproses kelapa sawit akan didirikan di situ.

Saya percaya rakyat mempunyai tanah dusun di sekitar kawasan ladang tersebut sekarang sudah menghantar permohonan mereka masing-masing untuk memasuki rancangan menanam kelapa sawit sepertimana yang diterangkan oleh pihak Kerajaan menerusi akhbar tempatan dan Radio Sarawak, Kuching baru-baru ini. Dan satu kawasan berhampiran ladang kelapa sawit tersebut pun sekarang telah siap diukur oleh Jabatan Tanah dan Ukur bagi menentukan bayaran ganti-ganti rugi kepada rakyat yang mempunyai tanah dusun dan pokok-pokok tanaman mereka.

Untuk tempat ternakan lembu selalu hampir 5,000 ekar dan jalan menuju kawasan itu juga sedang dibuat sekarang oleh Jabatan Kerja Raya sehingga sampai di tepi pantai laut di sebelah timur sejauh 12 batu lebih kurang dari Kuala Mukah.

Saya berharap rancangan ini dapat siap sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia Ketiga supaya rakyat di luar-luar bandar di kawasan itu dapat juga bekerja dan berusaha untuk memperbagai tanaman yang dapat memberi hasil kepada mereka dan juga menambah hasil negara dengan mengguna jalan yang ada itu yang boleh menghubungi bandar Sibu sebagai salah satu tempat pusat perdagangan yang mempunyai pelabuhan besar yang boleh menghubungi negara-negara luar secara langsung.

Di sini ingin juga saya menarik perhatian pihak yang berkenaan apabila membayar ganti rugi tanah dusun yang kosong, umpamannya, di Ulu Mukah dibayar dengan nilai harga sebanyak \$50 se ekar, dan di kawasan Ulu Oya di Sekau misalnya, yang jauh cuma 20 batu dari situ dinilai sampai

\$200 se ekar. Ini adalah menimbulkan berbagai sungutan rakyat yang berkenaan. Saya harap perkara seperti ini ditimbangkan dengan baik dan wajar.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian tidak asing lagi adalah yang melibatkan banyak rakyat di luar bandar, terutamanya seperti kami di Sarawak yang juga sebagai rakyat yang tidak bernasib baik boleh dikatakan 80% rakyat negeri itu mengambil bahagian di bidang pertanian yang memberi hasil pendapatan kepada ekonomi negara. Seperti kita ketahui penyelidikan pertanian tanah gambut dalam dan sagu serta tanaman yang lain-lain lagi di Sarawak akan dijalankan dalam Rancangan Ketiga yang juga tahun belanjawan yang kita bahaskan sekarang adalah seperti tahun pertama.

Dengan hal yang demikian, saya berharap stesyen penyelidikan sagu sepatutnya ditempatkan disalah satu daerah Mukah dan Dalat di mana kawasan inilah yang paling luas tanah tanaman sagu serta yang mengeluarkan banyak tepung sagu sejak berabad-abad sudah. Pada masa sekarang pun tepung sagu adalah menjadi salah satu bahan eksport pertanian dari Mukah dan Dalat. Walaupun harga tepung itu merosot kadangkala disebabkan mutunya tidak begitu baik seperti kita telah difahamkan, dan juga persaingan dengan tepung-tepung yang lain lagi. Inilah menjadi salah satu sebab harga tepung sagu sejak beberapa tahun tinggal begitu sahaja harganya.

Dengan banyaknya badan-badan berkanun tumbuh di negara ini yang menghasilkan sumber pertanian maka inginlah saya merayu badan-badan seperti ini membuat kilang memproses sagu di Sarawak supaya mutu tepung tersebut dapat terjamin seperti yang dikehendaki oleh pembeli di luar negeri. Perusahaan atau kilang-kilang sagu yang ada sekarang di Sarawak masih belum dapat lagi mengatasi masalah tersebut bagi rakyat di kawasan saya yang bergantung ekonomi mereka kepada sagu sudah tentu sanggup bekerjasama dengan mana-mana badan atau agensi Kerajaan bagi mengatasi masalah ini. Rakyat sendiri tidak terdaya pada masa sekarang untuk membuat satu-satu projek yang besar terutamanya dibidang pengetahuan masih belum boleh lagi.

Saya percaya badan-badan mahupun Bank Pertanian dapat melibatkan diri di dalam perkara seperti ini yang saya rasa sesuai dengan Dasar Ekonomi Negara kita.

Mengenai tanaman padi pula yang menjadi makanan utama rakyat negara ini tidak harus untuk menunggu sampai tahun berapa lagi, eloklah sekarang rancangan secara besar-besaran dibuat. Bagi kami rakyat di negeri Sarawak tidak berkemampuan membuat sendiri rancangan yang besar pada masa ini termasuk rancangan seperti menanam padi. Kita tahu negeri kita tidak kurang tanahnya dan juga tidak kurang rakyat yang mengambil bahagian di dalam segala rancangan apabila dibuat. Mengikut yang saya tahu bagi kawasan saya peta dibuat oleh Soil Survey untuk menunjukkan beribu-ribu ekar tanah yang sesuai untuk padi. Dengan adanya laporan seperti itu pihak Kerajaan tidak teragak-agak lagi membuat rancangan tanaman padi dengan menggunakan parit dan taliair serta perkakas moden supaya negara ini pada keseluruhannya mencukupi beras untuk makanan rakyat supaya tidak sentiasa bergantung kepada beras negeri lain seperti yang terdapat pada hari ini, yang juga merugikan rakyat dan negara yang sepatutnya negara kita boleh menghantar keluar beras kepada negara lain. Jika ditinjau daripada segi luasnya tanah seperti kawasan di Sarawak dengan bilangan penduduk yang terdapat pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran adalah perkara yang wajib dan mustahak kepada kita semua, kita berharap kepada jenerasi muda supaya tidak menyalahgunakan pelajaran mereka yang boleh merosakkan perpaduan negara. Umpamanya dengan adanya pelajaran yang tinggi dibidang sains dan sebagainya janganlah melupakan adat resam, pantang larang berbagai kaum dan kepercayaan yang sudah menjadi pusaka begitu lama di negara ini.

Saya tertarik hati mengetahui bahawa tidak berapa lama lagi sebuah Kampus Universiti Sains akan dibina di Sarawak, di samping itu juga sebuah Maktab Perguruan akan dibina dan Maktab Perguruan yang lama di Batu Lintang diperbesarkan lagi. Ini sudah jelas kelihatan pihak Kerajaan Barisan Nasional mengambil segala usaha bagi kepentingan semua rakyat di negara ini.

Negeri Sarawak juga sama seperti negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia, rakyat berkehendakkan segala kemajuan, pembangunan baik di bandar atau di luar bandar dengan bertambahnya murid-murid sekolah pada tiap-tiap masa. Tugas Kementerian Pelajaran ataupun Jabatan Pelajaran Negeri terpaksa bergerak mengikut tempo yang sama yang berkehendakkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang sentiasa bertambah pada tiap-tiap masa seperti Dewan ini sedia maklum. Saya suka mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan iaitu Sekolah Menengah Three Rivers di Mukah yang sekarang hanya menempatkan murid-murid sehingga ke Tingkatan Lima supaya dinaikkan menjadi Sekolah Menengah yang boleh mengajar sehingga Tingkatan Enam Atas bagi menampung keperluan murid-murid yang tamat belajar di Tingkatan Lima di dalam Bahagian Ketiga. Seperti diketahui Kerajaan juga akan membuat sebuah Sekolah Menengah Rendah di kawasan Ulu Daerah Mukah, maka saya bercadang supaya sekolah itu dibuat di antara Ulu Mukah—Ulu Balingian di tepi jalan besar di antara batu 60 dan 65 supaya senang mendapat segala kemudahan yang dikehendaki terutama dari segi perubatan dan sebagainya. Saya berharap juga pihak yang bertanggungjawab memberi perhatian segera kepada masalah Bangunan Sekolah Rendah yang lapuk atau bangunan yang dibuat sementara dapat diganti dengan bangunan baru beserta dengan perkakas seperti bangku-meja, tidak seperti yang terdapat sekarang ini di kawasan Ulu yang saya lihat setengah-setengah sekolah rendah tidak mempunyai bangku-meja di mana terpaksa murid-murid duduk dan menulis di atas lantai sahaja. Kepincangan-kepincangan seperti ini kita berharap dapat dibetulkan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan perkhidmatan pertahanan negara diperbesar lagi meliputi semua Angkatan Tentera terutama Polis dan Polis Hutan di Sarawak. Pegganas kominis di negeri Sarawak adalah yang menjadi satu ancaman yang boleh juga melambatkan segala pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan, walaupun keadaan keselamatan di Sarawak terkawal baik. Apa yang saya tahu sebahagian daripada pegganas yang telah keluar di bawah Gerakan SRI AMAN masih tidak puas hati dan masuk ke hutan semula. Rakyat yang taat setia kepada negara ini juga

berasa hairan kepada perbuatan mereka itu di mana Kerajaan sangat bertimbang rasa dan juga memberi segala bantuan dan kemudahan kepada pegganas yang telah keluar atau yang menyerah diri akan tetapi masih tidak puas hati lagi, sedangkan rakyat yang begitu setia sukar untuk mendapat kemudahan seperti yang diberikan kepada sebilangan bekas kominis itu. Rakyat yang taat setia berharap pihak Kerajaan walaupun telah membuat segala usaha begitu tegas supaya berhati-hati dan waspada kepada anasir jahat yang pandai mengambil hati itu dan berpura-pura supaya tidak boleh dibeli sebagai menanam tebu di bibir sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap Kementerian yang berkenaan dapat menimbangkan semula tentang senapang patah (shot-gun) yang dahulunya diberi pinjam kepada Pasukan RELA di daerah Mukah dan Dalat. Baru-baru ini telah diambil balik oleh pihak yang berkenaan. Saya pun tidak pasti samada senapang itu untuk diganti dengan senapang yang lebih moden lagi supaya semangat Pasukan RELA lebih tinggi dan dapat menolong Pasukan Keselamatan apabila dikehendaki selain daripada menjaga kampung halaman masing-masing saya juga suka mengesyorkan supaya ahli Pasukan RELA ini diberi pakaian seragam untuk kegunaan perbarisan menyambut hari-hari yang tertentu seperti Hari Kebangsaan bagi menggalakkan atau memperkuat lagi semangat yang sedia ada itu kepada mereka. Saya berharap pihak Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri Sarawak mengambil perhatian berat kepada untung nasib rakyat di luar bandar tentang masalah bekalan air paip, kesihatan dan juga jalanraya, seperti di kawasan saya mahupun di kampung atau di rumah panjang di mana tempat yang lama sudah memohon perkara yang tersebut agar diberi pertimbangan yang wajar supaya rakyat di luar bandar atau di dalam bandar sama-sama merasai nikmat pembangunan yang pesat di negara kita ini. Mereka di luar bandar juga tidak ketinggalan sebagai pembayar segala cukai yang dikenakan oleh Kerajaan samada cara langsung atau tidak langsung seperti cukai yang dicadangkan sekarang ini. Saya berharap juga pihak Kerajaan dapat membuka tanah untuk belia-belia dan beliawanis di negeri Sarawak bagi memberi pekerjaan

kepada sebahagian besar daripada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan kerana gagal di dalam persekolahan.

4.31 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, disamping saya berucap dalam Bahasa Kebangsaan, saya mohon izin berucap dalm bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia. Pemberian Belanjawan itu menunjukkan perasaan dan tanggungjawab beliau terhadap masyarakat, aspirasi dan masaalah mereka. Saya akan gagal di dalam tugas saya jika saya tidak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan terhadap Belanjawan yang begitu cemerlang. Dengan ini, saya ingin memberi hujjah-hujjah berkenaan dengan Belanjawan kepada perkara yang bersangkutan-paut, memandangkan dari segi keadaan pada tahun hadapan yang tidak stabil Belanjawan ini boleh dianggap sebagai satu kejupian.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perbelanjaan tahunan yang sederhana dari segi cukai dibahagikan dengan cara yang adil. Cukai-cukai yang dicadangkan akan memberikan perbelanjaan tahunan sebanyak lebih kurang \$108 juta. Tentu sekali tambahan sedikit ini tidak bermaksud untuk mempengaruhi arah terhadap ekonomi. Ini adalah perkara yang susah di dalam keadaan ekonomi dan politik yang tidak stabil, lebih-lebih lagi bila perkara-perkara tidak dapat kita sesuaikan. Di sini saya merojok kepada keadaan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan masa Belanjawan sekarang, saya bercadang untuk menimbangkan dari segi pembahagian taraf. Cadangan kenaikan cukai biasa terutamanya kepada peringkat tinggi telah sampai masanya. Ianya adalah progresive dan mestilah mempunyai pengaruh pembahagian kepada semua mereka yang dikehendaki di dalam lengkungan cukai 25%-30% dan pada peringkat yang lebih tinggi 50%-55%. Mereka tentu dapat menyesuaikan kenaikan tersebut dengan tidak mengalami banyak kesusahan. Pengeluaran yang dimaksudkan

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat mengatakan; "a Member shall address his observation to the Chair." Jadi, di dalam membuat ucapan, saya harap Yang Berhormat pandang juga kepada Yang di-Pertua di sini.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dari pandangan saya polisi sekarang adalah untuk menaikkan cukai tambahan untuk membetulkan semua lengkungan bagi mendapat kadar yang lebih besar dari pembahagian pendapatan. Ini adalah setaraf dengan panduan hidup kita sekarang untuk meningkat kepada Masyarakat Adil dan persamaan, di masyarakat yang mana orang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin menjadi lebih miskin. Ini akan menggagalkan prinsip baru

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, tadi saya telah beritahu harap Ahli Yang Berhormat pandang juga ke sini semasa membuat ucapan.

Tuan S. Samy Vellu: Saya tidak berapa dengar tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila patuh.

Tuan S. Samy Vellu: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I also find the Property Gains Tax very welcome. Unhealthy signs in the last two years appeared in our property market. Speculation showed its ugly head. Prices of property, both land and houses, priced out the poor from the dream of owning a house for their family. Our principle and policy of a "house-owning democracy" will never be achieved if pure market forces are allowed to determine property prices.

Tuan Yang di-Pertua, to reinforce our principles and to keep our policies alive, we acted with speed in 1974 and we introduced the Land Speculation Act. The Real Property Gains Tax of 1976 will replace the former legislation. The current Act, I believe, is in conformity with the overall intention of present measures. Tuan Yang di-Pertua, it is to achieve a more equitable distribution of income. I believe it would be more to the mark if the current Property Act is equated to speculation. It will make speculation less profitable.

Tuan Yang di-Pertua, however, I have had long and sleepless nights since the introduction of this Bill. I have been wondering how the market will react to this Bill and the first test of the reaction—I have put myself in the market—is, if I bought a house for \$100,000 a year and a half ago and being in much need for cash, I would like to dispose of it now with an eye for \$50,000 gain, under the new Bill, Tuan Yang di-Pertua, I can only achieve this if I price my property at \$200,000. Thus, my gain at this price will be \$100,000. But, then, the new Act will take away 40%, leaving me with a profit of only \$60,000.

Tuan Yang di-Pertua, depending on whether there is a sufficient demand for property—there may be an upward trend in the property market—my fear is, in other words, although it would curb speculation, whether it will push up the ever-increasing property price even further. I hope my fear does not prove to be true. Tuan Yang di-Pertua, it is with some measure of relief that I note that properties below \$50,000 would be exempted from the tax.

In line with our total new outlook, I note with appreciation the positive attitude taken towards the lowest income bracket. Tuan Yang di-Pertua, in the case of estate duty, the minimum value has been increased from \$25,000 to \$50,000—a more realistic figure, in view of the present property prices. Together with this, the tax incentive allowed to employers in the case of bonus payments, will supplement meagre earnings in the midst of inflationary trends. Tuan Yang di-Pertua, in this connection, a further welcome move is the exemption of tax on bonus payments to those earning low salaries. This will surely encourage employers in the private sector to be more liberal in providing bonuses to their low income workers. This would supplement the meagre earnings of the workers in the midst of inflationary trends.

Tuan Yang di-Pertua, the import duties imposed are mainly on non-essentials and it is likely to affect a shift of demand towards local products, particularly in the case of fruits. I believe this shift will generate a high level of income for local firms. The change in the structure of taxes on other non-essential imports and excise duty should impose some sense of financial discipline on

the individual and society—mainly in the middle and upper classes, where a change, I feel, is most rapid and where financial independence is well established.

Tuan Yang di-Pertua, the Budget, I believe, is fair, well thought out and it ought to be well received by both sides of the House. It is a Budget to influence attitudes and priorities of individuals and society. It certainly is not a Budget to positively influence or direct economic activity within the country. This was wise, Tuan Yang di-Pertua. The business community was totally spared. In the last year, Tuan Yang di-Pertua, private sector activities were sluggish and profits were low. The Honourable Minister's appreciation of problems faced by the private sector was sound and accurate. To encourage investment expenditure and reduce the unemployment rate, Tuan Yang di-Pertua, I feel it was economically proper not to have introduced any extra burden on the business community. Tuan Yang di-Pertua, I find that the present Budget is not excessive or biased towards any sector of the economy. It is, in fact, a Budget for all sectors of the society. It was certainly a policy prescription most carefully thought out, to raise \$108 million via taxes while the estimates of \$2,065 million overall deficit will be covered through borrowing both at home and abroad.

Tuan Yang di-Pertua, during our period of inflationary recession, Members will agree this cannot be avoided and it was fortunate that the Honourable Minister displayed a good sense of self-denial.

Tuan Yang di-Pertua, I will now move to some specific matters. Firstly, I would touch on the subject of a house-owning democracy. We in this country subscribe to the principles of creating a house-owning democracy. Tuan Yang di-Pertua, in this respect, let us give special care and attention to the needs of the estate workers. The estate workers today are perhaps the most badly off in terms of monetary well-being and environment, with their salaries which become less in real terms with each upturn of the inflationary trend and which fluctuate with the ups and downs of the rubber price in our country. Moreover, primary product workers stand isolated from the benefits of the nation's wealth and progress. Tuan Yang di-Pertua, they slog from the early dawn until the days end for

a pittance of a salary. They work desperately to increase their daily latex collection they burn in the sun and toil in the rain, but their income is not enough to yield a good square meal for them for each day's work.

Tuan Yang di-Pertua, the environment is depressing and often unhealthy. Estate owners, who are intent upon maximising profits for their shareholders, do very little to alleviate the poor living conditions of the workers. The little they do is done reluctantly under pressure from the trade unions, political groups and from the Ministries.

Tuan Yang di-Pertua, officials from the Ministry of Labour from time to time pay visits to these estates but their visits are usually only formal visits. They are usually treated royally at the manager's bungalow and shown some of the better aspects of the estate but not the bad aspects of the estate. I have seen officials from the Ministry of Labour go to the estate after informing the manager "I am coming at 10 o'clock this morning". Tuan Yang di-Pertua, what do you expect? Do they go to the lower strata of society to see what is the living condition of the ordinary worker? If anyone from the Ministry comes to an estate, he is given a royal welcome, a good drink in the manager's bungalow and taken round the garden of the manager and after that, he is sent off. Even in some cases that I have seen—and this is not a made-up story, Tuan Yang di-Pertua—there is a specific group created to appreciate the management. When you go into the house of the person who represents the management and see, you will also find him living in the same conditions like the others.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, jikalau pegawai tidak beritahu tidak mengikut aturan pula.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, I have raised this matter with the Ministry a few times—I am only mentioning part of it, not the full story. It is with this in view that our Honourable Prime Minister created a Task Force for housing for workers, but till today the recommendations of the Task Force have not been implemented. Tuan Yang di-Pertua, many estate owners have indirectly refused to co-operate with the Government to provide or

implement such recommendations. They are not prepared to part with a small portion of their land out of the thousands of acres of land they possess, for their workers.

Tuan Yang di-Pertua, the time has now come for us to introduce tough legislation for compulsory acquisition of land for the purpose of housing estate workers. I must mention here, Tuan Yang di-Pertua, one other aspect.

Estates near urban areas have often been sold to private buyers for housing projects and the like. When this happens, the workers on these estates are retrenched. Compensation for such untimely retrenchment is usually only a small sum. After working for 30 years—I have settled a case very lately—an estate worker gets only \$900 as compensation. I think many of us spend more than \$2,000 a month but he gets \$900 after working for 30 years. Compensation for such untimely retrenchment is very small, Tuan Yang di-Pertua. Scant consideration is given to the fact that the retrenched worker has been working for more than 30 years. The Union negotiated sums for retrenchment are no more than a flash in the pan in today's hard times. Tuan Yang di-Pertua, meanwhile, the estate owners make a fat profit from the sale of the estate. I would strongly urge the Government to introduce some legislation to place a lower limit (i.e. a minimum) on the amount of retrenchment benefits for the workers, perhaps in the form of an amendment to the Employment Ordinance. Tuan Yang di-Pertua, there should also be regulations for minimum health and living conditions for estate workers.

The next subject, Tuan Yang di-Pertua, is education on the estates. While on the subject of estate conditions, I call the attention of this Honourable House to the appalling state of education for estate children. Tuan Yang di-Pertua, estate schools catering for primary education of the estate children are in a sad state of neglect, and it is little use expecting children on estates to travel to urban schools. They are tied to the estates and plantations by their parents' poverty. Indian parents in estates being perhaps the poorest workers in the country have not been able to make sacrifices for their children's education. It is no surprise that the highest rate of drop-outs is among the Indians, especially in estate schools in our country.

Tamil schools are so scattered and isolated in separate plantations that it is practically impossible to recruit competent English or National Language teachers. Part-time or permanent postings, Sir, are uneconomical. This has resulted in the irregular and inconsistent teaching of English and Bahasa Malaysia. Even when students complete their 6 years of primary education which the majority do not, their attainments are unfavourable when compared with students from English schools. In the absence of secondary schools or for lack of transport or due to economic deprivation, few attempt to enter remove classes as a preliminary to an English language secondary education. Tuan Yang di-Pertua, for the bulk of the Tamil youths, education ceases at the primary level itself, and one out of three does not complete his primary school. Tuan Yang di-Pertua, those who manage to get into secondary school start with a considerable handicap. Unable to understand the medium of instruction, they drift along to Form 3 where they usually drop out. Tuan Yang di-Pertua, financial conditions at home also contribute to the drop-out rates as education in English secondary schools is far too expensive for the plantation workers. The child exposed to the new fields of science, mathematics, etc. finds himself unable to use the text of the books in the library. Tuan Yang di-Pertua, those who survive such educational trauma often find that they cannot continue their study of Tamil as there is no organised or systematic teaching of Tamil in English secondary schools as in English secondary schools it is optional. Tuan Yang di-Pertua, even where a sufficient number of pupils are interested in the study of Tamil, teachers or suitable text books for the teaching of Tamil at the secondary school level are not available. There is an unbridgeable gap between the Tamil primary schools and the Department of Indian Studies in the University of Malaya. Tuan Yang di-Pertua if Tamil students are to benefit from the courses provided by the Department of Indian Studies then pupils from Tamil primary school should be offered the Tamil literature instead of English literature as a subject for the School Certificate Examination which means that the Tamil language must be taught in English secondary schools. The basic defect therefore originates in the estate school itself. The Government must carry out a serious study of such schools. The

scattered Tamil schools must be grouped into sizeable units. Funds must be channelled to provide for language teachers and library books for the children to be proficient in English and in Bahasa Malaysia. This is a serious and immediate social problem. There is a cry for immediate action. If there is no immediate remedial action, the deprived plantation children will form an ever increasing group of unemployable economic rejects posing a problem of very serious proportions.

Tuan Yang di-Pertua, the next and the most important subject is in regard to the University entrance. The students who, despite all that I have said earlier, have managed to complete their Sixth Form, find themselves at a disadvantage when the time comes for entry into the Universities. At present the quota for entry into the universities is based on a "bumiputra" and a "non-bumiputra" classification. Malaysians of Indian origin are classified as non-bumiputras and they have to compete with other non-bumiputras for the quota of seats allocated to the non-bumiputras. Sir, in view of what I have said about the difficult circumstances from which the Indian students come up, it is unrealistic to expect them to compete with the better-off community. I would strongly urge that, to be fair, a definite proportion of seats should be allocated to Malaysians of Indian origin as such.

The next subject I would like to touch on is about the new villages. Sir, I would like to first state my appreciation for the good work the Ministry has carried out in developing and in creating the required environment for the new villages. But I must also draw attention to the new problems that have been faced by the new villagers. In most new villages, the land was demarcated some 10-15 years ago. The families in these new villages were given fixed areas of land. The land is demarcated and the land is fixed, but no one has fixed the size of the family. That has to be fixed by "Tuhan". The size of the family has increased. The youths starting lives in these villages have basically been trained as farmers. But their farming land will not be big enough for all of them. They are therefore in a landless state. Most of them drift to the urban areas but are unable to find jobs because of their farm training. Tuan Yang di-Pertua, I would urge the Government to look into the ways and means of

absorbing the growing population of workers in the new villages. Possibly small-scale cottage industries could be introduced and could be distributed to the rural areas especially in and around the environment of the new villages. This has to be done with the initiative of the Government in order to provide work and other facilities.

Tuan Yang di-Pertua, as the next subject on my list, I come now to the development of the rural areas especially in regard to bumiputras. The major thrust of the Government's attempt to provide better living conditions and economic aids to rural bumiputras has met with a considerable degree of success. We should also note that the increase of wealth and economic participation is more significant among the upper and the upper middle class strata of the bumiputras. The Government's plans to help the smallholders, farmers, fishermen and padi planters do not seem to effectively percolate to the lower levels. Still there are too much bureaucratism, red-tape and mishandling of the projects. Rural bumiputras who wish to venture into business are faced with financial problems. They do not find it easy to obtain small loans whereas the bigger businessmen are able to obtain quite large sums of loans with relative aids. Government agencies like PERNAS, which has been concentrating on urban areas, should now extend and emphasise their presence in the rural areas by giving agencies to the smaller businessmen in such areas.

In my constituency of Sungai Siput, Tuan Yang di-Pertua, I have been working for the last twelve months to do something to upgrade the living standards and also the economic standards of the bumiputras. All I could create is just two small coffee shops—nothing else. I look to the Government agencies and I run about here and there to provide industries in Sungai Siput, but the Government is not prepared to help. I have contacted the ordinary bumiputras and told them, "Each of you pay a hundred dollars, we will put up an industry in Sungai Siput where the bumiputras will own 50% of the property". They have agreed, Tuan Yang di-Pertua. But can we get a hundred dollars from a man who lives in a kampung earning \$30 a month. It is impossible. Some sort of a subsidy must come from the Government agency. Tuan Yang di-Pertua, with the view of creating an industry in Sungai Siput,

whereby I was aiming to achieve at least 50% bumiputra participation—I have not failed yet—I find it very difficult to do so. We always say that we want to help the bumiputras but where and how we help is a question to be raised. The bumiputras in my constituency for the last 18 or 19 years after Independence remain still the same, and there is no major change except for minor ones. They have now a tarred road instead of a mud road as in the past. They have, of course, some small community halls here and there and some small *suraus*. This is not the only provision required. Our aim is to fill the gap between the "haves" and the "have-nots". We understand that the standard of bumiputra economy in this country is very low. How are we going to raise it? We have to find ways and means. We are giving loans through the banks; we have created Government agencies. But how are these Government agencies helping the ordinary poor bumiputras in a village or in a kampung—that is left to be seen.

Tuan Yang di-Pertua, to borrow \$2,000 from the agencies, a bumiputra has to go to Bagan Serai from Sungai Siput five to ten times, each time costing him \$50. You will realise, Tuan Yang di-Pertua, that for ten times it would cost him \$500; and there again, he has to pay, as you know, all sorts of money—I do not mean any other type of money—but stamp fee, this fee and that fee, and this comes into question. I believe if the Government would like to help the bumiputras in the rural areas genuinely, the agencies, especially the Government agencies should help. Why do we have so many Government agencies just situated in the City of Kuala Lumpur? Are we having bumiputras only in Kuala Lumpur and not in any other places? These Government agencies should think that the bumiputra population mainly comes from the rural areas. Their plans must be extended to the rural areas to touch the ordinary man who lives in the kampung, who eats just a piece of bread for his afternoon meal and not a big plate of rice. This is where I feel that the Government should make further efforts to distribute the wealth to the poor—I don't mind it being given to any poor but to all the poor in the rural areas.

Tuan Yang di-Pertua, my next subject is on the rural Malay schools which I would like to mention here. They are very small in nature. Tuan Yang di-Pertua, nobody has noticed them. In every kampung you will find a small Malay school, sometimes with one teacher managing five or six classes. I do not know what the standard of teaching in such schools will be and I pity those students under his care—just one teacher for five classes. Students tend to be backward, Tuan Yang di-Pertua. Some attempts must be made to group up these schools too, not only the estate schools—I am not only worried about the estate schools but I am also worried about the schools in the kampungs. What is going to be the standard of education in such schools, Tuan Yang di-Pertua? Some attempts must be made to group these schools into bigger and more effective teaching units.

The other thing, Tuan Yang di-Pertua, is this. I have all my respect for Bahasa Malaysia but at the same time in these schools there is very poor teaching in English. Are we going to confine the youths only to the rural areas? Are we not going to allow them to come up to live with the others?

Tuan Yang di-Pertua, the teaching of English in the Malay schools is very poor and sometimes it is very difficult to get trained teachers. I have seen, Tuan Yang di-Pertua, in my own constituency, many Malay schools do not possess any properly trained English teachers. Is it just because we want to tell them that they should only study Bahasa Malaysia? I appreciate that we ask them to study Bahasa Malaysia, but we are not going to get them out on to the international world. They are coming out from the rural areas into the city. When they come to the city, we are going to face them. When we face them, are we going to say, "You are only allowed to study this, you are not allowed to go anything above this? Are you going to create stratas and say that this is a lower strata and that is the upper strata and that in the lower strata you only study this and in the upper strata you only study that? Are we going to create that?"

Tuan Yang di-Pertua, the Government must be good enough to investigate into the teaching of English especially in Malay schools because, as you know, English is a

world language whether we like it or not, and I do not want the poor bumiputra students in the ordinary primary schools in the kampungs to get away without the knowledge of that language. We should provide them with whatever that is necessary and with a trained teacher.

My next point—I won't take much of your time—is on the Green Book. This Plan by the Honourable Prime Minister is timely and welcome, but the response from the private sector is very poor. They expect everything from the Government. The only thing they do not expect is to get vegetables given to the villagers everyday.

Tuan Yang di-Pertua, rubber estates and tin mine owners who house their workers on adjacent land, should provide tracts of land where the workers can cultivate some crops to make themselves self-sufficient. But quite apart from not providing such land, the owners are actually preventing workers from following the Green Book. For example, Tuan Yang di-Pertua, many European estate owners are preventing their workers from owning cattle in accordance with the Maju Ternak Scheme. Tuan Yang di-Pertua, this is where I used to wonder sometimes. On the one hand, we have a Prime Minister who thinks in terms of the future of this country, who thinks that we should grow our own food to be self-sufficient; but on the other hand we have "Hitlers" and bosses who think that estate workers cannot even keep a small goat or a cow inside the estates saying that it spoils their environmental conditions. We have got regulations in this country provided by the Labour Department that every estate worker should be given 1/16 acre of land. I do not know who worked out this 1/16 acre, Tuan Yang di-Pertua. After all with this 1/16 acre, I don't think you can even grow 10 banana trees. But anyway if something is given we accept it. But not even that is given to the estate workers. Not only that—we say "Maju Ternak", but how are we going to achieve "maju" when they are chasing the "ternak" out of the estates?

Tuan Yang di-Pertua, in those days you would have observed that in every estate you had a big cattle farm and you used to get fresh cow's milk, but now you cannot, because every cow is being killed and sometimes the estate manager not only chases the cow out, but together with the cow goes its

owner within 24 hours out of the estate for keeping "ternak" in accordance with the Government Plan. In regard to other schemes in the Green Book, Tuan Yang di-Pertua, although they are very appreciable, how are they being implemented is a question.

I have participated in District-level Committees where Tuan Yang di-Pertua has also been there. You would have observed and I have observed that we are very good at carrying out meetings nowadays. We have too many meetings but we accomplish too little. We have meetings after meetings, and the only thing we see are "hal berbangkit"—matters arising—and the minutes of the previous meeting. I do not know what is the use of the previous meeting's minutes when it does not take shape. In many places, you could have seen at district levels from the beginning till today we go into the same Minutes—before the meeting was held once a month but now it is twice a month—and we go to the meeting, we just see the Minutes, we read it, have a cup of coffee or tea and we come back. Is this our contribution to the Green Book? In many places, Tuan Yang di-Pertua, even land is not distributed when land is available. Who is going to supervise this? I think some measures must be adopted, Tuan Yang di-Pertua.

During the last Budget meeting, while commenting on the Budget speech, I said that you can create whatever scheme you want, but please do not hand over this scheme to the old hands which have been handling the matter at a very slow speed. I said, "Let us create a task force to look into the implementation of this programme". But in many cases, even though we are interested in carrying out the projects, there are people who are not interested. I think, Tuan Yang di-Pertua, no scheme will materialise until and unless every Government servant thinks that he is not just working but that he is doing a duty to his nation as a whole. If any Government servant thinks that he is working for his salary, then he is sadly mistaken. Of course, we pay salaries but there must be certain initiative. I do not know how to create this initiative. No doubt, we have this course, that course, this seminar and that seminar, there are a host of seminars, but very little achievement from the seminars is created.

My last point, Tuan Yang di-Pertua, is in regard to the "Workers Rotating Fund". The Rotating Fund for workers announced by the Honourable Prime Minister with a sum of 10 million is, to my mind, a fine example of our Government's concern for the ordinary workers. This Fund should be slowly increased to make our concept of house owning democracy more real. The implementation of this project should be speeded up.

Tuan Yang di-Pertua, I feel that this Fund is specially drawn for the rural communities—the rural communities from the kampungs, from the estates and from the new villages—but it must be implemented in such a way, Tuan Yang di-Pertua, that everybody who deserves it will get it and not for name sake, not for influence sake, and I think the Ministry should pay proper attention and also should speed up the implementation of this \$10 million Rotating Fund. In addition, there should be a positive and enthusiastic response from the private sector also, Tuan Yang di-Pertua. It should follow the good example set by the Government. Large companies, rubber estates, tin mines and plantations should set up funds of their own to help workers in this way. This will create a more stable and devoted labour.

Tuan Yang di-Pertua, before I conclude, every estate, every tin mine and every agency or every company, which has got more than 10 labour force in their company, should think of such a scheme. Especially, Tuan Yang di-Pertua, we have seen estates owned by European bosses giving bonuses. I can give evidence of some bonuses given by certain companies, where four years' salary has been given as bonuses in one year. You would realise that if a manager earns \$1,000 a month, he gets \$48,000 as bonus and he just gets away with it after some time, but the worker who sweats in the estate every day does not even get four cents—they do not have the heart to give them four cents of bonus. Before they give four cents, they will say 101 stories, but to yield to their own employees of the higher strata, they are prepared to give any amount of money.

Tuan Yang di-Pertua, we must also urge the Government to go deeper into the private sector especially the estate management to find out the amount of bonus and other benefits given to the higher stratas of

employees but not to the lower strata. If we do not do that, Tuan Yang di-Pertua, I think the future will be very bleak. This is what I wish to say.

I must appreciate and I must congratulate the Honourable Minister of Finance who has, for the second time, presented a very beautiful Budget—very beautiful in fact, no pain, nothing to cry and nothing to shout about, but to appreciate, to understand and to implement it.

5.10 ptg.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi saya juga mengucapkan syukur kehadiran Tuhan oleh kerana masa yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua kepada saya untuk mengambil peluang memberi sedikit pandangan tentang Belanjawan 1976 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Dewan sebelum saya menyentuh berbagai-bagai Kementerian yang saya anggap penting untuk dibentangkan di dalam perbincangan Budget untuk tahun 1976 ini. Saya hendak menarik perhatian baik dari pihak Pembangkang ataupun dari pihak yang lebih-lebih lagi bertanggungjawab di atas keselamatan rakyat kita Malaysia iaitu pihak Kerajaan Malaysia yang ada pada hari ini tentang dua perkara. Perkara ini saya anggap sangat penting untuk masyarakat Malaysia iaitu keadilan dan kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini haruslah kita sentiasa ingat kerana dari kebenaran dan keadilan, rakyat dan masyarakat akan selamat. Akan tetapi kebanyakan pemimpin-pemimpin sekarang adalah munafik serta menunjukkan bahawa dia ada keadilan dan kebenaran di mata rakyat, tetapi dia hanyalah munafik belaka. Perkataannya umpat dan perkataan yang menipu adalah sentiasa di dalam hatinya. Saya juga sentiasa memperhatikan bilamana Yang Berhormat Menteri-menteri yang bertanggungjawab, sebagaimana yang saya sebutkan tadi berjalan pakai mobil mereka yang elok terkibar-kibirlah kesimpulan keadilan di sana. Saya sentiasa ingat kepada Tuhan: Ya Tuhan, mudah-mudahan keadilan ini berlaku di dalam hati masing-masing para Yang Berhormat Menteri-menteri yang bertanggungjawab di atas tanahair Malaysia. Demikianlah doa saya sentiasa kepada Tuhan. Jadi,

apa yang saya pohon kepada masyarakat lebih-lebih lagi kepada pemimpin negara kita Malaysia baiklah keadilan dan kebenaran ini sentiasa diamalkan bagi menjalankan tugas untuk kepentingan rakyat dan

Raja Nasron bin Raja Ishak: (Bangun)

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat hendak menarik perhatian di bawah Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Nanti dahulu Ahli Yang Berhormat. Sila duduk!

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 13.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Peraturan Mesyuarat 37 (a) atau 37 (b).

Raja Nasron bin Raja Ishak: Peraturan Mesyuarat 13, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak cukup koram.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Peraturan Mesyuarat 13—tidak cukup koram. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*)

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Luhut Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap saya tidak sesat kerana jauh telah terhenti tadi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Teruskan ucapan, ahli Yang Berhormat.

Tuan Luhut Wan: Sebagaimana yang saya sebutkan tadi mengenai keadilan dan kebenaran yang telah kita agong-agongkan di dalam pemerintahan negara kita Malaysia adalah perkara yang penting, sebagaimana yang saya katakan tadi bukan hanya disebutkan di bibir bahkan kebenaran dan keadilan ini haruslah dilaksanakan untuk kebajikan masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum serta mempunyai adat resam dan ugama yang tidak sama. Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang

saya sebutkan tadi, keadilan ini satu perkara yang dikehendaki Allah Yang Maha Kuasa. Dia menghormati orang yang berpendapat adil dan beradab kepada kebenaran, mata Tuhan sentiasa melihat orang yang mempunyai tingkah laku yang baik, adil dan benar. Keadilan sudahpun menjadi cogan kata Kerajaan negara Malaysia di mana tempat baik di Semenanjung Malaysia mahupun di negeri Sabah dan Sarawak "sign board" menyatakan "Masyarakat Adil" (Social Justice). Ya, betul, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soalnya siapakah yang kita anggap mengamalkan keadilan. Adakah kita menganggap bahawa keadilan dapat ditunjukkan oleh rakyat yang di bawah ataupun keadilan itu haruslah ditunjukkan oleh pihak pemimpin-pemimpin negara yang mempunyai position yang begitu tinggi dan bertanggungjawab terhadap semua keadaan hidup, taraf kedudukan rakyat dan negara. Jadi bukan kita hanya menyeru kepada Masyarakat Adil tetapi kebanyakan bukannya semua daripada mereka yang kita anggap menjadi pemimpin negara kadang-kadang mempunyai tingkah laku jauh daripada apa yang kita maksudkan dari segi keadilan dan kebenaran. Oleh kerana apa, umpat dan hati yang tidak begitu setia sentiasa ditapak-tapak di dalam batin mereka. Mereka hanya melakukan keadilan secara munafik di mata kasar tetapi di dalam hati sukar kami sebut melainkan Ilahi juga yang mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hal yang demikian tentu sekali jika dengan berpura-pura kita mengamalkan kebenaran apa akibatnya nanti kepada negara. Barang yang tidak kita ingini akan meletus iaitu lebih bisa daripada kuasa nuclear.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat!

Tuan Luhut Wan: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk dahulu. Saya tarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (6) yang berbunyi demikian:

"36 (6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli lain."

Tuan Luhut Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya mengeluarkan sangkaan yang jahat tetapi kadang-kadang ada buktinya. Mana-mana yang saya katakan tadi, jikalau kita sentiasa bersikap demikian, tentu sekali perkara yang jahat itu nanti meletus akibatnya lebih buruk daripada nuclear bomb. Yang saya maksudkan iaitu jikalau keadaan munafik itu sentiasa dilakukan dengan sebenar-benarnya, korupsi akan berlaku di mana-mana tempat yang tinggi ataupun yang bawah dan crimes akan jadi dari pihak yang tidak bertanggungjawab mahupun daripada pihak yang bertanggungjawab. Itulah maksud saya mengatakan tadi bahawa akibatnya lebih busuk dan dahsyat daripada akibat nuclear bomb.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, dalam ucapan Ahli Yang Berhormat janganlah ada mengeluarkan sangkaan jahat, sila patuh.

Tuan Luhut Wan: Terima kasih sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya hendak menyentuh sedikit berbagai-bagai tempat yang saya anggap penting mengenai Kementerian-kementerian Persekutuan yang ada pada hari ini.

Pertamanya, saya menarik perhatian Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya fikir perkara ini adalah sangat penting dan mustahak dibawa ke mari untuk menarik perhatian beliau supaya tindakan tegas diambil untuk mengelakkan keburukan yang sentiasa berlaku ke atas rakyat dan negara Malaysia. Oleh kerana pada masa ini kita sangat sebak lebih-lebih lagi daripada pihak Kementerian-kementerian ataupun perajurit kita yang sentiasa masuk ke dalam hutan memburu kominis atau pengganas-pengganas, dengan tidak membuang masa mereka bertugas untuk keamanan negara. Dalam Negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, di estet kelapa sawit di Miri ada segolongan besar, ini bukan perasaan dengki yang tidak begitu baik kepada negara jiran seperti Indonesia, kerana ada beberapa orang pekerja yang datang bekerja di estet itu sentiasa berlaku tidak beradab dengan negara Malaysia iaitu tidak mematuhi diri dengan peraturan dan keselamatan negara kita. Terang dan jelas, Tuan Yang di-Pertua, di sini ada tersiar di dalam Borneo Bulletin, 25hb Oktober, 1975 di Miri, Sarawak. Hampir-hampir dua tahun lepas mereka itu sudah membuat satu serangan

kepada masyarakat di Miri dan ada beberapa orang telah terkorban jadi mangsa mereka itu. Jadi, bagaimanakah sikap Kerajaan Malaysia pada hari ini, adakah mereka seolah-olah memikirkan perkara ini tidak berat kepada masyarakat dan rakyat di negara ini. Sepatutnya, siapa sahaja yang bukan warga-negara Malaysia datang makan gaji di negara kita, kalau tidak patuh dengan Undang-undang negara dan tidak setia kepada Kerajaan dan tidak beradab dengan rakyat haruslah disingkirkan, hantarkan kembali ke tempat mereka. Kita ada ramai orang yang tidak ada mempunyai pekerjaan dan tidak dapat pekerjaan untuk memberi makan dan pakaian kepada anak dan isteri mereka. Kita bukan kurang orang, ramai orang samada di Sarawak atau pun di Semenanjung. Jadi, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya tindakan yang sewajarnya haruslah diambil terhadap tingkah laku mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai bekas-bekas Polis yang telah bertugas, yang telah mengurbankan nyawa mereka untuk mempertahankan keselamatan negara kita Malaysia. Bekas-bekas perajurit kebanyakannya datang dari desa-desa, di ulu-ulu, yang sudah lama bersara dan mereka telah menerima bonos ataupun elaun, akan tetapi apa yang saya anggap tidak memuaskan ialah cheque yang diberi oleh pihak Polis Di Raja Malaysia ataupun Angkatan Tentera kepada mereka itu tempohnya sangat singkat hanya diberi tiga bulan ataupun lebih sedikit. Pada masa mereka datang ke Marudi ataupun Headquarters untuk mereka mengambil wang yang sedikit itu kadang-kadang mereka merasa hampa kerana tarikh cheque mereka itu sudah expired, hendak beli minyak untuk balik pun tidak dapat. Mereka sentiasa berjumpa dengan saya untuk membawa rayuan ini kepada perhatian pihak yang bertanggungjawab. Oleh yang demikian, saya syorkan supaya pada masa akan datang cheque itu haruslah diberikan tempoh yang panjang, kalau boleh enam bulan supaya menyenangkan mereka itu datang mengambil wang yang sedikit itu.

Saya juga suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pelajaran, oleh kerana perkara ini saya rasa malu juga hendak menyebutkan di dalam Dewan ini, akan tetapi

oleh kerana bukan kepentingan diri sendiri bahkan adalah kepentingan rakyat negara kita Malaysia, mahu tidak mahu perkara ini haruslah saya syorkan di sini, ini bukan palsu, tetapi adalah benar. Kebanyakan sekolah—di daerah lain saya tidak tahu, tetapi di Baram kawasan pilihanraya saya, saya dapati sekolah ini tidak menyedapkan hati kerana keadaan sekolah-sekolah itu sangat buruk. Saya takut bila angin kencang datang nanti sekolah ini akan roboh, kalau roboh semasa budak-budak tidak ada dalam kelas tak apa, tetapi kalau roboh se masa kanak-kanak kecil itu ada di dalam kelas nanti, tentu ini akan memalukan kepada Kerajaan Malaysia. Saya sungguh kasihan melihat mereka, kadang-kadang mereka berdiri di tepi sekolah di bawah Bendera Persekutuan dan Bendera Sarawak menyanyikan lagu Negara Ku dan State anthem sambil mengibarkan bendera dekat dengan sekolah yang hampir karam itu, maka keadilan yang saya sebutkan tadi hilanglah begitu sahaja. Pada hal apabila kita dengar siaran radio, mereka berkata, “kami dengar kemajuan di sana sini, kita ada jalan-jalan raya, kemajuan ini dan kemajuan itu, tetapi yang kami dapati inilah dia.” Saya beritahu mereka supaya bersabar, jangan putus asa. Perkara ini akan dibawa ke Parlimen, kalau dilaksanakan syukurlah saya kepada Tuhan dan kepada Kerajaan, tetapi kalau tidak dilaksanakan pun itu bukan kesalahan saya, sebab perkara itu sudah dibawa ke perhatian Kerajaan saya katakan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kanak-kanak yang saya dapati banyak yang tidak mampu membeli buku-buku teks. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia dengan sedaya upayanya supaya menolong mereka yang kebanyakannya terdiri daripada bumi-putra yang miskin dengan memberi bantuan kepada kanak-kanak itu serta memberi buku teks. Jika dapat—saya bukan memaksa, walau bagaimanapun kalau Kerajaan tidak mampu melaksanakannya, jika dapat saya menyeru kepada Kementerian yang bertanggungjawab supaya menitikberatkan serta memberi bantuan yang sesuai kepada budak-budak yang tinggal di desa-desa yang jauh di ulu sungai.

Saya juga menyentuh sedikit dalam hal keselamatan negara. Perkara ini pada pendapat saya tidak hanya semata-mata tanggungan Kerajaan Malaysia, tetapi ini adalah

satu perkara penting kepada saya, kerana negara Malaysia adalah negara kami semua. Tempat saya hidup dan tempat saya mati. Akan tetapi, ada beberapa perkataan yang tidak menyenangkan hati saya yang pernah timbul di dalam Dewan ini, sebagaimana sahabat baik saya Yang Berhormat dari Johor Baru kelmarin mengatakan dan menuduh pihak Pembangkang yang tidak mengambil berat terhadap kerosakan dan hal keselamatan negara yang di dalam keadaan buruk pada masa ini; saya tidak setuju dengan perkataan itu. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi negara ini kalau aman, saya juga aman, kalau dia roboh saya juga roboh. Akan tetapi sebaliknya, dalam pendapatan saya bukan semata-mata kerosakan ataupun pengganaspengganasan itu timbulnya dari pihak Pembangkang. Dalam pendapatan saya pula kebanyakan para pengganasan ini adalah dari pihak Barisan Nasional sendiri. Benar, ini bukan palsu lagi. Benar, saya tidak tahu di Semenanjung, tetapi negeri Sarawak kebanyakan pengganaspengganasan di hutan itu adalah dari pihak Barisan Nasional, yang keluar masuk itu dari pihak mereka. Bukan dari pihak saya. Perkara ini patut kita awasi kerana musuh-musuh sudah ada di dalam selimut.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: *(Bangun)*).

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Di bawah Peraturan Mesyuarat berapa?

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Di bawah Peraturan Mesyuarat 37—saya minta penjelasan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Untuk penjelasan kalau Ahli Yang Berhormat itu beri jalan, silakan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Kalau Ahli Yang Berhormat itu tuduh begitu sahaja tidak cukup, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat tolong kemukakan senarai pengganaspengganasan atau penjahat-penjahat itu kepada Dewan ini, itu lebih mudah dijerat dan dihapuskan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Apakah penjelasan yang dikehendaki?

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sebab seolah-olah Ahli Yang Berhormat itu tahu sungguh-sungguh bahawa orang yang keluar masuk itu beliau nampak iaitu orang-orang dari Barisan Nasional. Saya tidak fikir perkataan beliau itu benar.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila!

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa malu dan kasihan dengan kata Yang Berhormat Timbalan Menteri itu. Patut beliau yang memberi saya senarai serta menjelaskan banyak parti Ahli Yang Berhormat masuk dalam hutan tolong pergi cari mereka ataupun banyak orang parti Barisan Nasional telah pergi masuk hutan

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sabar, sabar! Penjelasan yang diminta tadi adakah boleh diberi senarai yang menyatakan ahli-ahli dari Barisan Nasional? Kalau tidak, kata tidak boleh. Sila!

Tuan Luhut Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi bagaimana yang saya katakan tadi, bukan tugas saya. Saya tidak ada perajurit, saya tidak ada berkuasa di atas mata-mata gelap (special branch) tentu sekali pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat beri kepada kami dalam Dewan ini supaya kami dapat bekerja rapat dengan beliau untuk keamanan dan keselamatan negara

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: *(Bangun)*

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak minta penjelasan lagiakah?

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak faham soalan saya, saya bertanya sebab Ahli Yang Berhormat itu menimbulkan bahawa orang-orang yang masuk keluar, masuk keluar menjadi pengganasan itu ialah orang dari Barisan Nasional. Jadi maksudnya jelas dalam Dewan ini bahawa Ahli Yang Berhormat itu tahu. Saya sendiri tidak tahu, sebab itulah kita semua di dalam Dewan ini

ingin mendapat senarai itu. Kalau tahu memang kita hendak hapuskan, tidak kisah orang dari mana pun kita hantar ke Pulau Jerejak, lock-up dan lain-lain.

Tuan Luhut Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagaimana yang saya sebutkan tadi, jikalau dapat baiklah dari pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesyorkan dahulu

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Bila disebutkan ada dari pihak Barisan Nasional bolehkah beri senarai atau tidak? Itu sahaja. Tidak boleh, kata tidak boleh.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali tidak boleh. Kalau dia mahu lebih baik beliau

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Baik, sekarang sila teruskan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin Tuan Yang di-Pertua bila mana seseorang Ahli Yang Berhormat dengan begitu pura-pura mengganggu (interrupt) saya, saya minta Tuan Yang di-Pertua dengan kuat-kuasa

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk dulu. Menurut Peraturan Mesyuarat 37 (2) terpulang kepada Ahli Yang Berhormat sendiri to give way or not to give way. Bila Ahli Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat Timbalan Menteri bertanya. Sekarang sudah selesai perkara ini. Ruling saya ialah teruskan ucapan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Luhut Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira keselamatan ini sudah cukup baik. Saya memuji Kerajaan Malaysia kerana dengan simpati yang tidak dapat dikatakan lagi terhadap musuh-musuh negara, orang-orang yang sudah buat jahanam, orang-orang yang sudah terang sekali sudah membunuh rakyat negara, bila menyerah diri diberi kemewahan kepada mereka. Musuh patut bersyukur atas tindakan yang dibuat oleh Kerajaan akan tetapi sebaliknya mereka tidak berpuas hati, lari kembali ke hutan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang begini, tuduhan sebagaimana yang telahpun dibuat oleh sahabat-sahabat dari parti Kerajaan ini menuduh parti Pembangkang. Tetapi sekarang banyak parti Pembangkang, ada Sarawak National Party, parti saya; ada D.A.P., ada Pekemas dan ada juga parti yang didaftarkan di Sabah, namanya BERJAYA. Jadi, tunjuk mana satu Pembangkang yang melibatkan diri dalam pekerjaan terrorist ataupun pengganas. Baik dan buang terus parti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memanjang-manjangkan perkara itu, tetapi satu perkara yang saya anggap penting untuk memberitahu oleh Kerajaan Malaysia hari ini mengenai satu perkara yang saya dan rakyat kebanyakannya di negeri Sarawak itu anggap penting mengenai perjanjian yang sudah pun disain oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dengan PETRONAS kerana dalam perjanjian dan peraturan itu pada masa ini Kerajaan Negeri Sarawak hanya mendapat 5% keuntungan dari pihak company minyak.

Tuan Yang di-Pertua, kami tahu negara Malaysia—Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia—adalah satu keluarga yang begitu besar. Anak-anaknya sama waris. Saya tidak berasa dengki tentang hal ini. Akan tetapi rungutan daripada pihak rakyat-rakyat negeri Sarawak banyak yang menyatakan ini tidak berapa adil oleh kerana State Government hanya mendapat 5% daripada keuntungan yang didapati daripada hasil minyak di negeri Sarawak. Alangkah baik jikalau pemerintah pusat dapat memberi banyak sedikit daripada itu, oleh kerana dalam pendapatan saya, Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak ini seolah-olah seorang adik yang belum dapat berjalan dengan lebih kuat. Dia masih memerlukan dukungan, didukung oleh ibu dan ayahnya dan tidak seperti di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, ada keretapi, bas senang, mana-mana kita hendak pergi boleh dapat mobil ataupun kapalterbang, tetapi negeri Sarawak keadaannya sukar. Saya juga percaya kebanyakan Ahli Yang Berhormat terdiri daripada Jemaah-jemaah Menteri pernah juga melihat keadaan itu dengan mata kepala sendiri. Oleh kerana itu, tentu sekali

perlu estimate yang besar sedikit diberi untuk rancangan negeri Sarawak untuk meninggikan taraf hidup masyarakat di negeri Sarawak seimbang dengan saudara-mara di lain-lain tempat di negara Malaysia ini. Saya menyeru agarlah seruan ini akan dipertimbangkan dengan telitinya oleh pihak Kerajaan pusat ataupun Kerajaan Persekutuan.

Satu lagi perkara yang saya anggap penting ialah mengenai undang-undang baharu, iaitu cukai. Pada fikiran saya perkara ini penting juga ditimbang oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan oleh kerana dalam list ataupun senarai-senarai barang-barang yang akan dikenakan cukai tahun depan termasuklah motorkar, transister dan sebagainya. Akan tetapi haruslah kami sedar pada masa ini baru sahaja jalanraya akan merentasi kampung halaman bumiputra yang miskin di negeri Sarawak, mereka mungkin juga dengan sedaya-upaya sudah berusaha menyimpan sedikit wang untuk membeli kereta. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula keadaan ini kerana di dalam bandar hanya sedikit sahaja bilangan bumiputra, nelayan-nelayan bilangannya banyak di kampung dan bumiputra juga terdapat ramai di luar-luar bandar. Sekaranglah masanya jalanraya di negeri Sarawak sedang melintasi halaman mereka. Jadi, adakah Kerajaan senang hati jikalau mereka membawa barang-barang di atas belakangnya kerana tidak mampu membeli sebuah kereta oleh kerana kenaikan cukai kereta ini. Demikian juga talivesyen di negeri Sarawak itu hanya berapa bulan sahaja sudah diadakan di sana, jadi pada masa ini bumiputra yang di luar bandar sangat ingin menonton siaran talivesyen untuk melihat apa yang terjadi di negara Malaysia negaranya sendiri. Jikalau cukai talivesyen ini dinaikkan, siapa yang untung? Tentulah orang kaya, dan orang yang rugi dan jadi mangsa tentulah bumiputra dan pihak yang miskin di luar bandar.

Saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri biarlah cukai ini dipertimbangkan dengan teliti kerana keadaan di Semenanjung Malaysia tidak sama dengan negeri Sarawak. Cukai ini haruslah dikenakan di tempat yang patut iaitu di bandar-bandar sahaja yang dikuatkuasakan supaya barang-barang ini dapat disubsidisekan kepada koperasi-koperasi kampung supaya orang

miskin yang betul-betul miskin tidak pergi membeli daripada orang yang kaya di pekan, bahkan menerusi ajen-ajen pemerintah mereka dapat mengambil barang ini untuk mengelakkan cukai. Saya harap juga pertimbangan yang tegas akan diambil daripada pihak Kerajaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan hal orang Asli di Semenanjung. Jika ditimbang dari segi keadilan mesti ada seorang menjadi Ahli Dewan Rakyat daripada pihak orang asli di dalam Dewan ini. Bukan saya tidak menaruh yakin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini yang mengetahui kesusahan dan kesukaran mereka itu, akan tetapi alangkah baiknya jikalau seorang Ahli yang datangnya dari golongan itu dapat mewakili bangsanya di dalam Dewan ini agar mereka dapat memberi gambaran yang lebih jelas lagi kepada pihak pemerintah Malaysia.

Saya juga hendak menyentuh sedikit tentang hal orang Penan di negeri Sarawak, saya tahu kebanyakan Yang Berhormat Menteri tidak begitu puas hati, ataupun senang hati terhadap

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain juga, kita sekarang ini sedang membincangkan dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan yang berhubung dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan ini dan Anggaran Pembangunan Sementara. Jadi, janganlah menyebutkan yang detail, sebab ini bukan tempatnya. Saya tidak hendak ganggu selalu, tadi saya sudah beri ingatan sekali. Pada masa ini membahaskan dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan. Kalau hendak bercakap detail tunggu masa dalam Jawatankuasa iaitu bila Kementerian-kementerian itu membincangkan di bawah Kepala-kepala dan Kepala-kepala-kecil. Sekarang cuba berucap dalam dasar Kerajaan dan apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang mana ada hubungan dengan Rang Undang-undang ini dan Anggaran Pembangunan sahaja yang dibincangkan sekarang ini. Saya harap Yang Berhormat tolong ambil perhatian. Sila teruskan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga sudah berapa kali saya bawa ke mari untuk perhatian Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, tetapi ini tahun yang keenamnya dan tidak ada apa-apa tindakan yang tegas diambil untuk kepentingan orang Penan di Sarawak itu. Sebaliknya, mereka sudah menggelar saya sebagai M.P. Penan kerana perkara ini saya selalu sebutkan di sini. Tetapi kalau saya tidak sebutkan di sini, siapa yang akan mewakili mereka ini dan kesusahan mereka ini tidak disedari oleh pihak Kerajaan Malaysia. Saya berharap supaya Kerajaan dapat membuat bantuan ataupun memberi pertolongan kepada mereka ini supaya mereka dapat merasai nikmat kemerdekaan di dalam naungan pemerintah Malaysia pada hari ini.

Saya hendak menyentuh sedikit mengenai hutang negara, dan ini tidaklah salah kerana setiap orang ada hak atas hutang ini. Sebagaimana yang kami ketahui sekarang kami telah dibalut oleh hutang, hutang dari sana dan hutang dari sini. Jadi, lama-lama kami pun lemas dalam hutang, dan saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab seperti kata pepatah: "biarlah kami lambat asalkan kami selamat" janganlah buat terburu-buru hendak membuat sesuatu yang tidak tentu hasilnya pinjam dan akhirnya akan bankrupt. Ini perkara yang menyedihkan sekali.

5.47 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan serta ucapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang memberi satu ucapan Belanjawan yang agak begitu lunak yang tidak berasa sakit ataupun susah kepada rakyat kita yang miskin atau yang berpendapatan rendah terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar.

Saya rasa daripada ucapan ini nyatalah datangnya daripada seorang Menteri Kewangan yang begitu budiman dan yang begitu bertimbang rasa, kerana melihat bagaimana pengorbanan yang telah diberi oleh penduduk luar bandar dalam bersama-sama hidup atau menyokong Kerajaan kita. Rakyat di luar bandar terutama rakyat yang berpendapatan rendah belum pernah engkar

dalam menyatakan taat setia, samada menentang pengganas ataupun anti-nasional dan dalam rancangan apa juga yang memberi faedah kepada negara kita. Dengan kerana itu, sudah sewajarnya lah bahawa ucapan Belanjawan ini memberi sedikit keringanan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah, hanyalah yang ditekan rakyat kita yang berpendapatan begitu lumayan ataupun yang dikatakan mampu dan kaya yang membayar cukai lebih tinggi.

Saya rasa ini sudah sewajarnya kerana orang-orang yang kaya sekarang sudah sepatutnya memberi sedikit pengorbanan kepada negara ataupun membalas budi negara kerana mereka harus sedar bagaimana mereka mendapat kekayaan dengan sewenang-wenangnya sekalipun mereka bekerja dengan titik-peluh, tetapi kekayaan itu datangnya dengan sebab pembangunan negara kita, iaitu pembangunan negara setelah merdeka, hasil pembangunan negara daripada rancangan Kerajaan dengan kilang-kilangnya dan perusahaannya, pembangunan tanah dan lain-lain perdagangan yang menyebabkan orang-orang yang bernasib baik telah menjadi begitu mewah dan kaya. Dan seharusnya lah Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Kerajaan kita mengambil sedikit atau memberi beban sedikit kepada mereka ini dengan meminta tambahan cukai seolah-olah meminta satu pengorbanan baru dari mereka.

Kita dengar juga orang-orang bersungut bahawa cukai masih dikenakan tetapi pihak-pihak yang mampu harus berfikir lebih jauh. Pandanglah ke sempadan. Ada rakyat yang tidak mendapat suatu apa pun, ada rakyat yang masih berpendapatan kecil dan tidak mencukupi, bukan sahaja memberi pengorbanan wangnya dan titik peluhnya, tetapi mereka memberi pengorbanan dengan nyawa untuk menjaga keselamatan—itulah perajurit dan Pasukan Keselamatan kita atau pahlawan-pahlawan kita yang setiap masa tidak tentu tidur, tidak tentu kesihatan dan tidak tentu masa nyawanya akan melayang untuk menjaga kepentingan keselamatan negara kita dan ini mendapat faedah bagi orang-orang yang kaya-raya maka sudah sepatutnya lah mereka memberi pengorbanan dengan memberi cukai yang lebih. Kerana kalau negara kita tidak selamat, tidak aman, mereka tidak boleh menjalankan sebarang activity yang mendapat kekayaan, tidak

boleh menjalankan kilang tidak boleh pergi ke hutan untuk membalak, tidak boleh menjalankan perusahaan, tidak dapat menoreh getah, anak-anak tidak boleh bersekolah, dan siapa pun tidak akan mendapat keuntungan. Dan untuk membalas kepada jasa negara ini atau kepada pahlawan kita inilah sepatutnya orang-orang yang mampu seperti yang dikatakan oleh Menteri Kewangan kita, memberi sedikit lagi pendapatannya kepada negara untuk pembangunan kita semua. Dengan sebab itu, saya sekali lagi mengucapkan tahniah sesungguhnya kepada Menteri Kewangan yang memandang jauh, yang memandang rakyat sudah begitu berkorban dan harus tidak patut lagi rakyat yang berpendapatan rendah ini memberi pengorbanan lagi dengan cukai-cukainya. Seperti yang kita dengar dahulu, yang kita sudah rasa dahulu, setiap kali sidang Belanjawan, sehinggakan perkara-perkara makanan rakyat, pakaian rakyat yang rendah-rendah dan hal-hal yang digunakan oleh rakyat setiap hari dikenakan cukai, tetapi syukurlah pada kali ini kita tidak mendengar perkara-perkara yang kecil itu dikenakan kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menghadapi Budget yang kurang, hampir lebih daripada \$190 juta tetapi kita rasa berterima kasih kepada pihak Kerajaan dan khususnya kepada Bahagian Ekonomi yang sentiasa menjaga hasil negara kita yang bertambah setiap tahun. Umpamanya pada tahun yang lepas kita menghadapi belanjawan hanya \$5,000 juta, tetapi pada tahun ini naik sampai \$7,000 juta lebih. Ini menunjukkan betapa kukuhnya keadaan ekonomi kita walaupun kita menghadapi pertumbuhan yang agak perlahan mengikut Lapuran Ekonomi, tetapi menunjukkan satu Belanjawan yang yakin dan lebih meyakinkan mengikut Lapuran itu, walaupun pada tahun ini kita menghadapi kekurangan, tetapi menjelang pada tahun hadapan kita menghadapi lebih 13% pertambahan ekonomi yang dijangka menghasilkan kepada \$10,000 juta dan ini menunjukkan bahawa kekurangan pada tahun ini boleh ditampung oleh kemajuan atau ramalan ekonomi kita yang begitu cemerlang atau cerah menjelang tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita patut memberi kepujian kepada Kerajaan kita yang telah berjaya menghadapi beberapa kerumitan sejak satu dua tahun yang lepas. Walaupun dengan kerumitan itu tetapi

Kerajaan terus membelanjakan untuk pembangunan demi pembangunan, walaupun dengan keadaan kesusahan itu Kerajaan berkehendakkan wang yang lebih untuk perbelanjaan keselamatan, berkehendakkan perbelanjaan yang lebih untuk menghadapi stagflasi dan inflasi, memberi subsidi beratus-ratus juta ringgit, tetapi tidak sedikit juga Kerajaan meminta cukai lebih daripada rakyat biasa. Ini sekali lagi saya mengucapkan tahniah. Dalam keadaan yang begitu sukar, yang begitu susah, kekurangan wang Kerajaan tidak meminta cukai dari rakyat yang berpendapatan rendah atau rakyat yang kurang mampu. Sepatutnya dengan keadaan sekarang Kerajaan berkehendakkan wang yang banyak dan meminta pengorbanan daripada semua rakyat, tetapi dengan kecekapan pentadbiran kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dapat mengatasi kesulitan-kesulitan itu dengan baik dan dengan tidak mengurangkan atau menjatuhkan mutu ekonomi dan perbelanjaan negara kita. Kita semua sedar yang kita telah menghadapi ancaman kominis, kita sedar kita menghadapi ancaman inflasi dan stagflasi dan kita sedar kita telah menghadapi ancaman daripada tunjuk-tunjuk perasaan yang tidak bertanggungjawab. Ini semua yang mencabar kita.

Kita tahu dalam pilihanraya-pilihanraya kecil yang lepas bagaimana masalah inflasi digunakan oleh pihak-pihak Pembangkang yang bertanding dalam pilihanraya dengan begitu lancang dan menjadi modal besar. Kononnya Kerajaan tidak bertanggungjawab, Kerajaan sengaja melaparkan rakyat. Kerajaan, orang besar, pemimpin sahaja yang mewah, keadaan di kampung miskin. Kadang-kadang mereka tahu bahawa inflasi itu datangnya dari mana, stagflasi itu dari mana datangnya, mereka sedar ini, dan bagaimana Kerajaan membantu rakyat memberi subsidi sampai beratus-ratus juta mengorbankan daripada wang negara untuk membantu rakyat daripada membeli beras yang mahal, daripada membeli baja mahal dan daripada membeli bahan-bahan makanan yang lain. Mereka gunakan sebagai alat kepentingan politik mereka tetapi syukurlah dengan kecekapan Kerajaan kita dan kecekapan Barisan Nasional rakyat tetap menyokong kita, kerana mereka tahu bahawa Kerajaan ini sahaja yang berjalan dengan wajar dan dengan jujur untuk membela rakyat dan memberi kemudahan-kemudahan

dan kesenangan kepada rakyat walaupun begitu lantang suara Pembangkang yang kononnya rakyat yang kebuluran itu ialah tanggungjawab Perdana Menteri, tanggungjawab Timbalan Perdana Menteri. Cukai yang didapati dan hasil jualan daripada beras yang mahal itu kononnya masuk ke dalam poket Menteri—ini semua kita dengar. Tetapi dengan kecekapan kita dan bagaimana kata Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tuhan telah menolong kita dan sekarang kita dapat saksikan. Kita dapat mengharungi lautan inflasi itu dengan baik dan tenang dan kita semua selamat dan kita menerima suatu perbelanjaan yang lebih maju daripada tahun-tahun yang lepas. Dan ramalan ekonomi kita lebih cerah dalam tahun 1976. Inilah satu perkara yang agak membanggakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lebih mengembirakan walaupun keadaan kita menghadapi perbelanjaan yang kurang tetapi Kerajaan tidak sedikitpun mengurangkan pembangunan. Kita akan berbelanja lebih \$1,982,785,649 untuk pembangunan. Ini menunjukkan betapa Kerajaan sedar rakyat yang di luar bandar masih belum cukup mendapat kemewahan, dan kemudahan, walaupun kita sudah 18 tahun merdeka. Oleh sebab itu saya menyeru kepada Kerajaan di dalam merencanakan pembangunan hendaknya lebih menitikberatkan rakyat yang di luar bandar terutama sekali dalam perbekalan air dan api.

Laporan Ekonomi kita sendiri menerangkan bahawa hampir 69% rakyat di luar bandar yang masih tidak mendapat kemudahan air dan begitu juga 63 atau 64% yang tidak mendapat kemudahan api letrik, anak-anak masih membaca dengan menggunakan lampu pelita, ada yang masih minum air parit, yang masih minum air peri yang tidak sihat. Inilah yang saya minta dalam rancangan pembangunan kurangkanlah sedikit pembangunan di bandar, kerana di bandar rakyatnya telah begitu mewah dan mendapat serba sedikit kemudahan yang cukup. Kerana kita tahu hampir-hampir 70% rakyat kita di luar bandar dan rakyat inilah yang memberi pengundian yang besar kepada kita yang menyebabkan Kerajaan kita menang dalam pilihanraya. Maka sudah sewajarnya pengorbanan rakyat yang 70% daripada luar bandar ini kita memberi layanan yang

istimewa kepada mereka dengan meninggalkan sedikit dan mengorbankan sedikit rakyat di bandar. Ini bukan bermakna tidak memberi terus kepada rakyat di bandar tetapi mengurangkan sedikit kerana rakyat di bandar telah begitu lama merasa kemudahan, begitu lama merasai nikmat dari segi pelajaran anak-anak, dari segi hiburan, jalanraya, api letrik, kesihatan dan sebagainya.

Kalau kita banci bahawa orang-orang dalam bandar-bandar inilah yang tidak menyokong kita dalam pilihanraya. Boleh lihat buktinya. Jadi kami minta Kerajaan dalam merencanakan pembangunan pada masa yang akan datang akan lebih menitikberatkan air dan api kepada penduduk luar bandar. Kasihanilah mereka itu. Banyak kita dapati permohonan yang bertahun-tahun tidak dapat diselesaikan kadang-kadang diberi alasan barang lambat sampai, engineer kurang, buruh kurang, begitu juga dengan L.L.N. kadang-kadang perkakas belum sampai dan sebagainya. Dengan alasan yang kecil ini permohonan penduduk luar bandar hingga bertahun-tahun tidak selesai, tetapi kalau rancangan di bandar kita dapat melihat dalam masa yang singkat sahaja semuanya berjaya dan terang benderang. Lebih-lebih lagi yang mendukacitakan bahawa rakyat yang kita beri selama ini dengan kemewahan yang dahulunya tinggal di hutan-hutan dalam perjuangan menentang komunis yang dahulunya dipagarkan, dibuatkan kampung baru, diberi air, diberi api, diberi segala kemewahan, tetapi ada di antara mereka ini juga sekarang membantu komunis. Mereka ini duduk di bandar sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Inilah yang patut Kerajaan menimbangkan. Mereka sedikit pun tidak membalas budi kepada pengorbanan rakyat yang jauh dari bandar untuk menegakkan Kerajaan ini dan untuk pembangunan. Mereka dapat hasil dan kemewahan yang baik ada juga di antara mereka yang sanggup memberi makanan kepada komunis yang hendak mengancam negara kita. Tindakan yang sewajarnya mestilah difikirkan dalam perbelanjaan pembangunan tahun 1976 dengan sebab itu saya memberatkan lagi pandangan tentang menyokong dengan sepenuhnya rancangan Kerajaan membesarkan Pasukan Keselamatan, membesarkan dan

membanyakan asykar kita, membeli senjata-senjata moden yang begitu lengkap kerana memandangkan ancaman komunis yang lebih hebat sekarang.

Saya rasa tidak ada rakyat yang membangkitkan mengapa dibelanjakan begitu banyak untuk pertahanan atau keselamatan, kerana kita sedar kita akan menghadapi hidup atau mati, kerana kalau kita diancam dengan berbagai-bagai kesusahan kepada rakyat, tentulah rakyat tidak boleh bekerja dan rakyat tentu sedar dan saya rasa tidak patut kita bersungut kalau sekiranya Kerajaan membelanja lebih kepada keselamatan negara kita. Kami mengalu-alukan, kalau boleh, bukan sahaja seperti tahun yang lepas iaitu \$125 juta bahkan kalau boleh \$200; \$300 juta kami izinkan belanja untuk keselamatan negara kita dengan membeli betul-betul alat-alat senjata yang lengkap yang betul-betul tidak diselewengkan sedikit pun, yang betul-betul asykar kita di barisan hadapan memegang senjata moden seperti musuh, baik dengan kapal terbangnya, meriam-meriam, machine-gun dan lain-lain juga supaya benar-benar dapat menyelamatkan rakyat kita yang 10 juta dan negara kita yang merdeka sekarang.

Dalam pada itu saya minta juga memberikan perhatian terutama sekali kepada petugas-petugas perdagangan kepada orang-orang yang kita nampak tidak memegang senjata, tetapi mengancam kita. Mereka ini duduk di kedai-kedai, berniaga, berjual beli, yang mengambil kesempatan setiap tahun menaikkan harga barang dengan tidak tentu fasal. Percayalah dengan cukai yang dinaikkan sedikit itu walaupun tidak ada kena mengena dengan mereka tetapi ada beberapa barang yang digunakan oleh rakyat biasa itu dinaikkan dengan alasan Kerajaan menaikkan cukai. Jadi dimintalah Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada pekedai-pekedai atau saudagar-saudagar yang seperti ini yang sedikit pun tidak menimbang bahawa negara kita menghadapi keadaan kesusahan dan rakyat susah hendak membeli barang yang mahal. Maka patutlah mereka yang mendapat nikmat, selama ini kaya-raya, senang lenang daripada hasil pembangunan dan keamanan kita, masih menghisap darah rakyat dengan menaikkan barang dengan tidak tentu fasal. Bawang dinaikkan, ikan bilis dinaikkan dan lain-lain barang lagi dinaikkan kononnya dengan alasan cukai naik semua sekali. Saya minta

pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, petugas-petugasnya ataupun sesiapa yang berkenaan mengambil perhatian yang benar-benar berat, kalau boleh periksa dari kedai ke kedai dan kita mendengar sekarang minyak tanah disorokkan tidak dijual minyak disel, disekat - tidak dikeluarkan dengan alasan hendak dijual dengan harga yang mahal. Orang-orang yang seperti ini mereka tidak mempunyai senjata untuk mengancam kita, tetapi pemikiran, tingkahlaku dan keadaan yang dibuat itu lebih daripada senjata yang boleh merosakkan kita semua, dan boleh dianggap bahawa peranan mereka ini sama seperti peranan anti-nasional dan komunis. Dengan sebab itu, saya minta supaya Kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap mereka yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka sekali mendengar Lapuran Ekonomi yang mengatakan bahawa eksport kita tidak begitu jatuh terutama sekali daripada bahan-bahan kelapa sawit dan getah dan barangkali menjelang tahun hadapan kita berikhtiar lagi supaya eksport kita seimbang dengan apa yang kita impot. Dengan kerana itu saya menyokong beberapa orang rakan-rakan yang bercakap tadi patutlah diperkuatkan dan diperbanyakkan lagi perhubungan kita dengan negara-negara lain supaya dapat memujuk mereka itu membeli barang-barang kita supaya eksport kita naik. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri-menteri yang telah pergi ke luar negeri yang khususnya kerana memperbaiki ekonomi kita ataupun mencari rakan untuk membeli barang-barang kita supaya eksport kita lebih cemerlang dan inilah satu ikhtiar kita yang berkesan dan untuk terus rakyat kita mendapat kemewahan ataupun menurunkan harga barang, saya alu-alukan juga Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan pada tahun yang lepas dan pada awal tahun ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ini satu idea yang sangat baik dan dalam buku Lapuran Ekonomi sendiri menerangkan bahawa dengan Rancangan Buku Hijau ini telah memberi kesan yang baik kepada langkah-langkah menurunkan inflasi kita, memewahkan rakyat mendapat bahan-bahan makanan dan kalau boleh teruskanlah rancangan ini dan sebaik-baiknya dengan melalui Lembaga Persatuan Peladang di kampung-kampung dan di luar bandar, kerana sedikit sebanyak peranan

Lembaga Persatuan Peladang luar bandar amat memberikan galakan kepada petani-petani kita, mendorong petani-petani kita bersatu dalam membaiki ekonomi dari segi tanaman. Dengan kerana itu, saya juga mencadangkan supaya Kerajaan memberi pertimbangan yang lebih lagi kepada pertumbuhan-pertumbuhan ataupun Kementerian yang bersangkutan dengan membanyakkan bahan-bahan makanan ini umpamanya Kementerian Pertanian, Lembaga Persatuan Peladang atau lain-lain bahagian yang boleh menolong bagi membanyakkan makanan kita dengan melancarkan Rancangan Buku Hijau.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh dari segi pelajaran. Kita tahu bahawa dasar pelajaran kita sedang berjalan dan akan dapat kita melihat buktinya atau kemuncaknya dalam tahun 1983, masih ada 7 - 8 tahun lagi. Sementara hendak menyampaikan kepada tahun 1983 kita sudah dengar bisik-bisik, cakap-cakap atau kita sudah dapat riak-riak orang-orang yang cuba hendak menggagalkan dasar pelajaran kebangsaan kita itu, yang cuba hendak merendah-rendahkan mutu pelajaran melalui Bahasa Malaysia, yang cuba mengatakan bahawa anak-anak kita tidak akan dapat belajar ke London, ke Amerika dan ke Australia dengan sebab dasar pelajaran yang ada sekarang kerana mereka tidak tahu langsung bahasa Inggeris. Dengan sebab itu tidak patut digalakkan pelajaran nasional dan lebih hebat daripada itu adapula yang membisikkan memecah-belahkan sekolah-sekolah yang hendak dikebangsaankan oleh Kerajaan kita. Umpamanya, ada orang yang menggalakkan dari segi perkauman, ada orang yang telah memberitahu ibu bapa tidak guna menghantar anak ke sekolah kebangsaan yang ada sekarang, tetapi pergilah hantar ke sekolah kaum masing-masing dengan alasan kononnya supaya mereka tetap dapat elau yang tinggi kerana murid-muridnya ramai, tetapi dengan secara tidak langsung kempen itu menjahanamkan dasar pelajaran kebangsaan kita. Dan ada yang cuba barangkali kita telah dengar sudah hendak buat peperiksaan mereka sendiri dalam bahasa mereka sendiri yang sama taraf dengan L.C.E., S.P.M. dan H.S.C. atau masuk ke universiti dengan melalui kolej mereka sendiri, barangkali di masa akan datang hendak buat universiti dengan bahasa mereka sendiri. Kalau begini keadaannya bilakah masanya kita dapat sampai kepada

matlamat menyatupadukan rakyat Malaysia dengan satu bahasa seperti Parlimen yang mulia ini sudah persetujuan dahulu. Dengan ini diminta Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengawasi dengan secukupnya perkembangan ini. Kalau dia tahu ada tunas-tunas yang merbahaya hendak muncul daripada sekarang, eloklah dipatahkan supaya jangan tumbuh dalam hati rakyat dan terus kita duduk dalam perkauman dan perkauman. Sekaranglah patut diawasi supaya perkara ini jangan merebak, apabila sudah merebak kelak kita tidak dapat hendak mengamankannya, akhirnya rakyat akan tidak percaya kepada kita. Apa yang kita laungkan dasar yang begitu cantik dan yang kita kata begitu tegas tetapi dapat dikhianati oleh pihak-pihak yang tertentu.

Mengenai dengan ekonomi bumiputra, saya juga suka mengulangi cakap saya dalam ucapan Belanjawan tahun yang lepas, walaupun ada badan-badan berkanun yang dibuat oleh Kerajaan sekarang seperti, MARA, UDA, PERNAS, SEDC dan sebagainya membuat perniagaan sendiri dan barangkali rancangan yang akan datang setengahnya ada disuarakan hendak diserahkan kepada bumiputra supaya bumiputra mempunyai satu badan perniagaan yang kaya. Apakah ertinya ini semua kalau sekiranya bumiputra itu tidak dilatih di jurusan perniagaan, perkilangan dan perindustrian yang hendak dibuat itu. Kalau tidak dilatih bagaimanakah seseorang itu boleh mengambil alih sebuah syarikat, kerana tidak ada ilmu yang berkenaan. Walaupun kita beri emas kepada mereka tidak ada gunanya sama sekali, lebih baik tidak gagah diberi apapun tetapi berilah pengetahuan perniagaan. Kalau satu-satu rancangan atau perusahaan hendak dibuat atau hendak diserahkan kepada mereka baik dari segi perkilangan, perindustrian dan sebagainya hendaklah dirancang sebelum tiga tahun yang akan datang dan dari sekaranglah dilatih bumiputra dalam jurusan itu, jurusan setiausaha, jurusan pengurusan segi engineering dan sebagainya yang akan boleh menguruskan kilang yang hendak diserahkan pada masa tiga tahun yang akan datang. Adakah rancangan ini telah kita buat? Sepatutnya untuk penyerahan tiga tahun akan datang rancangan itu sudah dibuat sekarang, menghantar seberapa banyak bumiputra supaya bersaing dan bertanding dengan orang-orang

lain yang telah maju. Kalau kita hendaklah ada projek joint venture dengan Jepun, mengapa tidak boleh memujuk Jepun joint venture dalam bahagian letronik umpamanya dengan syarat dilatih pemuda bumiputra dalam bahagian ini sampai dapat betul-betul menguruskan sebagaimana kilang di negeri Jepun sendiri. Begitu juga kita buat joint venture dalam hal trektor dan sebagainya. Kita minta Jepun melatih pemuda bumiputra dalam hal trektor daripada mula memasang sampai memperbaiki atau membetulkan, semua sekali bahkan sehingga boleh membuat trektor itu. Kita buat joint venture dengan berbagai negara lagi dan minta dilatih pemuda-pemuda kita dalam bahagian itu sampai satu masa bila mereka balik ke Jepun, dan kita sudah boleh menguruskan kilang sendiri. Seperti yang saya sendiri telah melihat di India umpamanya, mereka boleh membuat jam. Saya tanya: Bagaimana boleh kamu latih rakyat India sehingga boleh membuat jam? Katanya, "Kami belajar daripada Jepun, kami ambil guru-guru Jepun, dibawa ke mari dan kami buat perjanjian dalam masa dua tahun awak mesti mengajar kami semua buat jam." Akhirnya, ramai orang India itu pandai membuat jam dalam serba-serbi mengenai jam, dengan cukup baik. Akhirnya, kita tengok kilang itu boleh dijalankan oleh bumiputra India sendiri daripada barang yang paling kecil sampai boleh merupakan sebuah jam yang boleh diperdagangkan keluar negeri. Mengapa kita tidak boleh ikhtiarkan buat begitu. Begitu juga dalam joint venture dengan Jerman, Perancis dan lain-lain. Mengapa kita hanya memanggil mereka datang melaburkan modal di sini dan setelah mereka dapat untung, mereka balik. Kita hanya menjadi pekerja sahaja kepada mereka, hanya ada satu dua orang bumiputra yang menjadi Secretary atau Penolong Setiausaha. Adakah setakat itu sahaja cukup untuk kita melaungkan bahawa kita telah memberikan sesuatu kemajuan kepada bumiputra kita? Jadi saya minta disamping Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri yang bertanggungjawab atas Badan-badan Berkanun, inilah satu usaha badan berkanun kalau sekiranya hendak meninggalkan satu kesan kepada kemajuan bumiputra iaitu latihlah bumiputra dalam segala bidang kemahiran dalam dunia international, apa sahaja yang belum kita dapat pelajari, cara membuat rokok, trektor, letronik, kilang padi, membuat kilang sabut, kilang membuat tali, atau memproses minyak

kelapa sawit, sabun dan sebagainya. Semua kita ajarkan kepada bumiputra kita. Kita tidak boleh heran dan kita tidak boleh merasa iri hati kepada orang-orang China yang telah maju kerana mereka telah membuat perkara ini lebih dahulu. Dua tahun lagi TV hendak datang, mereka sudah hantar anak-anaknya belajar cara membuat TV. Sekarang kita tahu TV berwarna akan sampai. Berapa orang bumiputra telah dilatih atau dihantar belajar dalam hal TV berwarna, untuk memperbaiki TV di masa yang akan datang. Mungkin besok apabila sampai TV berwarna itu kita akan memandang sahaja orang lain membuatnya dan kita sekali lagi akan menuduh bumiputra bodoh, bumiputra malas, tidak ada otak dan sebagainya, tengok orang lain, mereka sudah pandai buat TV berwarna dan sebagainya. Puncanya ialah kerana kita tidak dilatih. Inilah yang saya minta dengan sungguh-sungguh kepada pihak Kerajaan kerana kalau hendak menunjukkan bukti. Tidak payah membuat kilang untuk kemudiannya diserahkan kepada kita, tetapi sebaliknya berilah ilmu itu dan hantar bumiputra ke seluruh dunia dengan sebanyak-banyaknya untuk belajar berbagai bidang pengetahuan S.E.D.C. patut buat rancangan menghantar beratus-ratus orang bumiputra setiap tahun. Kalau perkara itu dijalankan dari dahulu barangkali sudah beratus bahkan beribu bumiputra betul-betul pandai dan dapat bersaing dalam dunia perniagaan antarabangsa. Kita sudah ada bukti dalam Syarikat MAS umpamanya, sebuah Syarikat Penerbangan yang paling moden dalam dunia sains dan teknologi sekarang. Umpamanya bila hendak ditubuhkan syarikat MAS dua tahun dahulu Kerajaan kita telah menghantar bumiputra 10-20 orang ke luar negeri untuk menjadi engineer dalam menguruskan kapalterbang MAS. Syukurlah sekarang kita berjaya. Kalau kita siasat, kita dapati sekurang-kurangnya ada bumiputra yang mengambil bahagian dan peranan penting dalam syarikat Penerbangan MAS itu. Cuba daripada dua tahun dahulu tidak dihantarkan seorang pun bumiputra untuk menjadi kapalterbang pada hal MAS itu hendak ditubuhkan sampai hari ini pun kita tak dapat seorang engineer bumiputra, pilot bumiputra. Kita akan memandang orang lain memandu kapalterbang, tetapi kita tak boleh dan nanti beberapa banyak lagi capak orang lain bahawa orang Melayu ini penakut, tak pandai bawa kapalterbang, tetapi apabila kita latih, hari ini kita dapat

melihat bersama-sama boleh menerbangkan kapal terbang yang besar-besar. Inilah saya minta lagi sekali bahawa sungguh-sungguh memberi latihan penting sekiranya Kerajaan hendak memajukan bumiputra dalam lapangan ekonomi dan sebagainya.

Saya tak mahu sebut dalam bahagian hutang-hutang di bank. Siapkan bank beri pinjaman berapa puluh ribu ringgit, berapa juta ringgit tetapi apa gunanya memberi pinjaman kepada orang yang tidak ada pengetahuan hendak berniaga, tak ada pengetahuan hendak buat industri—tak ada guna sama sekali. Dapat duit ini barangkali dia ajak kawannya berniaga dan dia menjadi taukeh, tak tahu apa-apa, akhirnya bankerap, sebab tak ada ilmu. Jadi daripada memberi pinjaman duit bank \$2—3 juta lebih baik duit itu dilatih beberapa ramai bumiputra keluar negeri dalam segala jurusan dan apabila mereka dapat ilmu mereka akan dengan sendiri boleh membuka berbagai-bagai perusahaan, tak payah Kerajaan membantu lagi pada masa itu sebab mereka sudah tahu. Itulah sedikit pandangan saya dalam hal ini. Barangkali di manamana kita bersungut, apa yang kita tak ada, bukan modal tetapi ilmu. Saya rasa memang belum terlewat untuk Kerajaan membuat rancangan ini.

Satu perkara yang akhir saya hendak bercakap ialah berkenaan dengan cara langkah Kerajaan bercermat. Kita tahu dan sedar Budget kita menghadapi kekurangan dan saya juga sebut tadi walaupun tahun hadapan kita buat ramalan baru kita akan lebih dapat hasil sampai \$10,000 juta tetapi patutlah Kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih ketat dalam mencermatkan belanja Kerajaan sendiri kerana kekurangan \$190 juta itu boleh diatasi dengan cermat daripada pihak Kerajaan. Kita tak mahu pihak pegawai rendah di pejabat ataupun orang ramai sahaja kita laungkan suruh kepada bercermat, tetapi pihak Kerajaan sendiri tidak mengambil langkah-langkah yang lebih cermat yang kita nampak boleh dipotong belanja-belanja yang tidak perlu itu.

Umpamanya kita besar-besarkan dalam mengadakan temasya boleh kita potong sebab keadaan tidak mengizinkan. Kita besar-besarkan dalam menghadapi majlis-majlis yang boleh kita potong, barangkali kita tak perlu menghidang champagne, kita

boleh hidangkan air limau. Ini boleh banyak mengurangkan belanja. Dan juga boleh mengawal dari segi mengeluarkan wang oleh badan-badan berkanun, umpamanya, saya tak tahu samada perkara ini betul-betul terjadi ataupun tidak, kerana saya dengar cakap-cakap di luar boleh Kerajaan menjimatkan wang, duit yang diberi kepada badan berkanun itu dengan dikawal perbelanjaannya, terutama sekali dalam hal pembelian tanah yang hendak dibuat oleh badan-badan berkanun kerana ada orang-orang yang mengambil kesempatan. Barangkali dia tahu tapak itu hendak dipakai untuk membuat pembinaan bangunan oleh badan-badan berkanun dengan harga tanah yang murah, maka mereka berpakat jual kepada satu orang lain. Si A umpamanya dapat tanah itu dengan murah dari si B, badan-badan berkanun ini pula beli daripada A dengan harga yang tinggi, tak fasal-fasal ada orang tengah di dalam hal tanah ini untuk membolehkan si A tadi mendapat keuntungan yang besar, hatta sampai \$1—2 juta. Ini tidak ekonomi. Ini tidak cermat, pada hal kalau dibuat terus antara perbadanan dengan Kerajaan dengan orang perseorangan yang pertama barangkali boleh mengurangkan duit dua juta ringgit itu. Ini juga rakyat memerhati dan banyak terdengar bisik-bisikan cara-cara perbelanjaan yang seumpama ini.

Saya tidak menuduh, sebab saya tidak boleh menunjukkan bukti, tetapi saya yakin perkara ini patut dikawal, patut disiasat keadaan-keadaan yang seumpama ini dan juga barangkali perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak menguntungkan dalam hal kita hendak membangunkan ekonomi bumiputra tadi, umpamanya saya sebut UDA membuat bangunan-bangunan yang tinggi, yang moden di dalam bandar dengan harapan orang mengatakan kononnya UDA menolong orang Melayu dalam hal ekonomi dan membawa mereka ke dalam bandar, tetapi apa jadinya kalau kita membuat bangunan yang berpuluh juta ringgit dalam bandar dan tak ada seorang pun bumiputra yang boleh ambil untuk berkedai, akhirnya semua terlepas ke dalam tangan bukan bumiputra juga. Bukan kita cemburu tetapi cara yang macam itu tidak boleh menolong bumiputra. Lebih baik kita membuat bangunan-bangunan di pekan-pekan yang kecil-kecil yang ada tempat orang Melayu ramai hendak berniaga, di situ bangunkan kedai-kedai yang satu-dua

tingkat, beri kepada bumiputra dengan tawaran yang murah seperti dahulu MARA pernah buat di Melaka. Sewa rumah kedai dalam Bandar Melaka itu hanya \$50 sepintu, kalau tidak tentu sampai beratus-ratus ringgit, tetapi dengan sebab pertolongan MARA cuma diambil \$50 sepintu kerana hendak menengok bumiputra dalam bandar. Saya fikir rancangan seumpama itu boleh dibuat oleh UDA, tak payah membina bangunan yang berpuluh-puluh juta ringgit tetapi tidak mampu seorang bumiputra hendak berniaga di situ, akhirnya terlepas. Betul namanya kompleks—cukup baik, tetapi kompleks itu sama sekali tidak ekonomi. Saya harap rancangan yang seumpama itu tidak akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang. Harapan orang kepada badan-badan yang berkanun itu hampa sekali, harapan pada masa mula ditubuhkan, dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa badan-badan itu boleh menolong orang Melayu berniaga di dalam bandar tetapi akhirnya hampa.

Dalam hal ini juga, saya rasa satu daripada perkara yang boleh Kerajaan menjimatkan lagi belanja kepada badan-badan itu bukan menahan perbelanjaan, tetapi cara membelanjakan wang lebih ekonomi dan kerjanya berhasil. Saya rasa kalau dibuat beratus-ratus pintu kedai di luar bandar banyak orang hendak berniaga, tetapi kalau dibuat beratus-ratus pintu, berpuluh-puluh tingkat dalam bandar Kuala Lumpur, siapa pun yang tidak boleh menolong bumiputra berniaga. Inilah yang saya minta bahawa pelaksanaan seumpama ini boleh menolong menjimatkan perbelanjaan Kerajaan kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sesuai dengan apa yang saya katakan tadi dengan tema yang dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, iaitu perbelanjaan yang waspada. Apa langkah yang saya sebutkan tadi itu adalah merupakan satu tema perbelanjaan berwaspada terhadap belanja-belanja yang besar. Kadang-kadang kita begitu strict hendak menjimat kepada benda-benda yang kecil-

kecil yang belanja \$1, \$2 yang berpuluh ringgit itulah yang kita hendak cermat, tetapi seperti yang saya kata tadi yang boleh merugikan berjuta ringgit tidak dikawal kerana ada orang yang mengambil kesempatan daripada duit perbadanan, kononnya perbadanan ini kaya, banyak diberi wang oleh Kerajaan kita. Apa salah beli tanah \$2-\$3 juta daripada satu punca sahaja. Tetapi kita pasang lagi orang tengah, kemudian perbadanan beli pula sampai 2-3 kali ganda. Ini semuanya rakyat tahu, rakyat dengar cerita ini. Saya harap pada masa akan datang tidak akan berlaku lagi kejadian seperti ini dan pihak Kerajaan, terutamanya Treasury lebih berwaspada terhadap perbelanjaan-perbelanjaan yang seumpama ini. Inilah yang saya minta supaya pihak Kerajaan kita dapat benar-benar melancarkan perbelanjaan yang ekonomi bukan sahaja dari segi teori tetapi praktik juga dan jikalau kita tulis sahaja di atas kertas bahawa kita hendak ekonomi pada hal kita menjalankan perbelanjaan itu tidak praktik, tidak ekonomi, akhirnya sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sedikit pandangan saya terhadap Belanjawan kita pada tahun hadapan dan saya sesungguhnya diakhir ucapan saya suka memberi tahniah sekali lagi kepada Menteri Kewangan kita dan juga seluruh anggota Perbendaharaan dan juga Bahagian Ekonomi yang telah memberi sumbangan yang besar terhadap pengawalan perbelanjaan Kerajaan kita. Sudah tentu barangkali pegawai-pegawai ini memberi pengorbanan yang banyak dari segi pemikirannya membantu Kerajaan kita dalam menyediakan laporan-laporan yang begitu detail, menjalankan peranan dengan negeri luar untuk mengimbangkan perniagaan kita dengan luar negeri dan menasihatkan Kerajaan kita di atas perbelanjaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 12hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.